



JABATAN KESELAMATAN  
DAN KESIHATAN PEKERJAAN

# LAPORAN TAHUNAN **2021**

Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

---

*"KKP Inklusif- Kebersamaan Dan Komitmen"*

**[www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)**







JABATAN KESELAMATAN  
DAN KESIHATAN PEKERJAAN

# LAPORAN TAHUNAN **2021**

Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

---

*"KKP Inklusif - Kebersamaan Dan Komitmen"*

**[www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)**

# KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH	5
LANSKAP KKP NEGARA	11
DASAR KKP NEGARA, KUALITI & LATIHAN	17
PENGURUSAN TERTINGGI	25
PENGARAH BAHAGIAN & NEGERI	29
FAKTA PENCAPAIAN TAHUN 2021	41





<b>BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA</b>	<b>73</b>
<hr/>	
<b>BAHAGIAN DASAR ANTARABANGSA DAN PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN PENYEDIAAN PIAWAIAN DAN STANDARD</b>	<b>85</b>
<hr/>	
<b>PENGUATKUASAAN KILANG DAN JENTERA</b>	<b>89</b>
<hr/>	
<b>PROMOSI JABATAN</b>	<b>175</b>
<hr/>	
<b>AKTIVITI ANTARABANGSA</b>	<b>185</b>
<hr/>	
<b>SUCCESS STORIES</b>	<b>193</b>
<hr/>	



1 PCS  
ANT LEADER

FL-2-05

SEAT ASSIST  
SIDE

TOTAL : 1 PCS

C7

FL-2-02

TOYOTA

TOYOTA

CONTR. SOCKET  
SEAT SR

520 Kg.



# 01 PERUTUSAN KETUA PENGARAH

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim.



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
Salam Sejahtera & Salam Keluarga Malaysia

Pada kesempatan ini, saya ingin memanjangkan kesyukuran kehadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya, kita dapat terus bekerja dalam suasana norma baharu dalam usaha memastikan keselamatan dan kesihatan kita terpelihara.

## PENGURUSAN DAN PENGUATKUASAAN KKP ERA COVID-19

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanawataala kerana kita semua telah berjaya melepas tahun 2021 yang sangat mencabar. Tahun 2021 meninggalkan kita dengan seribu satu kenangan. Penularan COVID-19 seakan-akan melumpuhkan dunia dan memberi cabaran baharu kepada kita semua, khususnya penjawat awam dalam melaksanakan tugas. Di penghujung tahun 2021 pula kita dikejutkan




dengan situasi banjir yang melanda sesetengah negeri yang sebahagian besarnya kehilangan harta benda dan ada juga yang kehilangan orang yang disayangi.

Alhamdulillah dengan semangat kebersamaan, kita berjaya memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dengan baik. Bangkit daripada itu, dunia hari ini mengadaptasi norma baharu seperti bekerja dari rumah (BDR), mesyuarat melalui telesidang atau talian yang sedikit sebanyak mempengaruhi norma kerja di masa hadapan seperti yang terdapat di dalam prosedur standard operasi (SOP) semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Semoga semua kita mampu menggalas tanggungjawab dengan dedikasi supaya setiap perancangan dari awal tahun dapat dilaksanakan sebaik mungkin agar sasaran dan keperluan pemegang taruh (stakeholder) dan pelanggan dapat dipenuhi.

Penularan wabak COVID-19 telah mengakibatkan bukan sahaja krisis kesihatan sedunia tetapi juga krisis ekonomi pada skala yang tidak pernah dialami di peringkat global sejak tahun 1930-an. Negara kita tidak terkecuali daripada menerima kesan pandemik COVID-19, dengan 2.7 juta orang sehingga kini telah dijangkiti virus ini.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa pada 18 Mac 2020, JKKP telah mengambil langkah drastik untuk mencegah penularan COVID-19 dalam kalangan kakitangan, dan pada masa yang sama, memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada pelanggan berterusan dengan sebaik mungkin. Langkah yang sama diteruskan sepanjang tahun 2021.

JKKP juga telah diberi kepercayaan untuk menjadi sebagai anggota Pasukan Petugas Kebangsaan Operasi Pematuhan SOP PKP



dan membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menguatkuasakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) di tempat kerja. Bermula 16 Jun 2021, JKPP telah diberikan penurunan kuasa bagi pengeluaran kompaun Akta 342. Fokus utama penguatkuasaan JKPP adalah kepada sektor pembuatan iaitu memastikan majikan mematuhi SOP PKP dan terkini Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

#### PELAN INDUK KKP (OSHMP25)

Menyingkap tabir 2021 yang begitu mencabar, Alhamdulillah dengan izinNya dan kerjasama semua warga kerja JKPP serta komitmen tinggi pemegang taruh yang meliputi kerajaan, majikan dan pekerja, Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 atau dikenali sebagai OSHMP25 telah dilancarkan dengan jayanya oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia pada 13 Oktober 2021 secara sepenuhnya dalam talian. Dalam ucaptamanya, antara lain Perdana Menteri menegaskan ‘Kesan tidak langsung akibat pengabaian KKP, negara boleh mengalami kerugian sebanyak 4% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setahun. Namun apa yang lebih diutamakan kerajaan ialah untuk mengelakkan kehilangan nyawa ahli keluarga Malaysia’.

OSHMP25 yang bertemakan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Inklusif: Kebersamaan dan Komitmen merupakan kesinambungan daripada dua pelan Induk KKP terdahulu iaitu OSHMP 15 (2011-2015) dan OSHMP20 (2016- 2020). Ia menggariskan tujuh (7) Teras Strategi, 29 Program dan 82 Aktiviti. OSHMP25 menyasarkan pencapaian kadar

kematian pekerjaan diturunkan kepada 2.93 per seratus ribu pekerja, penurunan kadar kemalangan pekerjaan kepada 2.13 perseribu pekerja dan meningkatkan kesedaran melaporkan penyakit dan keracunan pekerjaan sebanyak 30% menjelang 2025.

#### PINDAAN AKKP 1994

Tahun 2021 juga menyaksikan detik bersejarah tersendiri setelah 26 tahun Akta Keselamatan and Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan 53 tahun Akta Kilang dan Jentera dikuatkuasakan. Pada 13 Disember 2021, pindaan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] dan pemansuhan Akta Kilang dan Jentera [Akta 139] telah diluluskan oleh Dewan Negara. Pindaan ini merupakan pindaan holistik kerana melibatkan pemansuhan Akta Kilang dan Jentera [Akta 139] dan memasukkan peruntukan berkaitan pemeriksaan jentera yang terdapat dalam Akta 139 ke dalam pindaan Akta 514.

Berdasarkan model yang dicadangkan, prinsip Akta 514 yang berbentuk kendiri akan dikenalkan dan peruntukan- peruntukan yang kritikal (seperti kawalan ke atas jentera dan kilang) dalam Akta 139 dimasukkan ke dalam pindaan Akta 514. Gabungan kedua-dua prinsip ini menghasilkan suatu Akta yang berbentuk kendiri namun bagi isu-isu yang melibatkan penggunaan jentera-jentera berisiko, ia akan bersifat sedikit preskriptif. Pindaan Akta 514 ini akan membolehkan Malaysia menghadapi cabaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berpuncu daripada perkembangan teknologi terkini dan isu keselamatan dan kesihatan global seperti COVID-19 dengan lebih sistematik dan menyeluruh.

## INTERGRITI DAN KOMPETENSI PEGAWAI

Dalam aspek integriti, sebagai Jabatan yang merupakan antara agensi Kerajaan terawal yang mendapat pensijilan MS ISO 37001:2016 - Sistem Pengurusan Anti Rasuah, komitmen Jabatan adalah untuk terus memelihara integriti di kalangan seluruh warganya. Integriti merupakan ciri penting yang perlu ada dalam setiap penjawat awam. Kajian oleh INTAN bersama SPRM pada tahun 2018 mendapati punca utama rasuah dalam kalangan mereka yang disabitkan kesalahan oleh SPRM adalah kerana kurangnya integriti.

Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi menyeru dan mengingatkan seluruh warga jabatan untuk melaksana tugas secara penuh berintegriti dengan mengikut sepenuhnya prosedur kualiti, kelakuan dan tatatertib, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kewangan serta sistem pengurusan anti rasuah. Semoga pada tahun 2022, kes ketirisan integriti melibatkan kes tatatertib, salah guna kuasa dan rasuah di kalangan warga jabatan dapat dicegah hingga ke tahap akar umbinya.

Bagi memastikan semua perancangan dapat dicapai, Jabatan akan memperkuuhkan kompetensi dan kepakaran pegawai secara berterusan. Untuk itu, lebih ramai pegawai dan kakitangan JKJP akan disasarkan menyertai pelbagai program dan latihan di dalam bidang yang relevan termasuklah melalui kerjasama strategik KKP di peringkat antarabangsa. Dengan ini, para pegawai JKJP dapat mendalami pengetahuan yang sepatutnya dan seterusnya menjadi lebih berketerampilan dan kompeten di dalam bidang dan skop tugas masing-masing.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak JKJP, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengurusan tertinggi KSM, pengamal KKP, pertubuhan berkaitan KKP, majikan, dan pekerja, di atas komitmen, sokongan padu dan kerjasama erat dalam melaksanakan program-program KKP. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga JKJP yang telah berusaha gigih untuk memastikan JKJP dapat melaksanakan tanggungjawabnya kepada semua pihak berkepentingan secara profesional dan penuh berintegriti.

Akhir kata, saya menyeru semua majikan dan pekerja untuk mempertingkatkan keazaman, inovasi, kreativiti, usaha, disiplin dan integriti agar kita dapat memastikan tahap KKP negara terus dipertingkatkan ke arah yang lebih cemerlang.

Dalam keadaan negara sedang berhadapan pandemik COVID-19, kesihatan diri dan keluarga perlu menjadi keutamaan kita dengan mengamalkan norma baharu dan mematuhi SOP yang ditetapkan secara serius. Bersama-sama kita melindungi diri, keluarga, rakan sekerja dan negara daripada penularan pandemik COVID-19. Lindung diri, lindung semua.

**Ir. ZAILEE BIN DOLLAH,**  
KETUA PENGARAH,  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN MALAYSIA



02 LANDSKAP  
JKP NEGARA

# LANDSKAP KKP NEGARA

Di peringkat Kementerian Sumber Manusia, National Labour Advisory Council (NLAC) merupakan badan utama yang membincang dan mengkaji isu-isu berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebaikan pekerja di tempat kerja selain menasihati Kementerian di dalam membuat keputusan berkaitan sumber manusia. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan secara khusus berfungsi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebaikan pekerja terpelihara dari sebarang hazard pekerjaan. Di Malaysia, konsep tripartite diamalkan dalam membuat sebarang polisi berkaitan pengurusan KKP negara. Konsep ini dijelaskan sepetimana infografik berikut:




JKKP adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan KKP dengan visi untuk menjadi sebuah organisasi yang

menerajui negara dalam membentuk budaya kerja selamat dan sihat ke arah mempertingkatkan kualiti hidup bekerja. Fungsi utama JKKP adalah seperti berikut:

1. Penyediaan piawaian KKP.
2. Menguatkuasakan undang-undang berikut:

- i. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- ii. Akta Kilang dan Jentera 1967
- iii. Sebahagian daripada Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984

### 3. Promosi dan publisiti KKP



Infografik Lanskap KKP di Malaysia

The background of the image is a construction site featuring a large concrete structure under construction, surrounded by extensive scaffolding and steel reinforcement. In the foreground, four construction workers wearing hard hats, safety vests, and face masks are engaged in a discussion. One worker in a blue shirt and yellow vest is gesturing towards the structure. The scene is set during the day with clear visibility.

# VISI

Menjadi Peneraju Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan

# misi

Memastikan Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerja Terjamin

# OBJEKTIF

Mencegah kemalangan industri dan penyakit pekerjaan menjelang tahun 2021 seperti berikut:

Pengurangan  
Kadar Kematian

**2.93/100,000**  
Pekerja



Pengurangan  
kadar kemalangan

**2.13/1000**  
pekerja




Peningkatan  
pelaporan penyakit &  
keracunan pekerjaan

**30%**



## NILAI KORPORAT TEGAS, ADIL DAN MESRA



03

# DASAR JKKP NEGARA KUALITI & LATIHAN



JABATAN KESELAMATAN  
DAN KESIHATAN PEKERJAAN

# KENYATAAN DASAR KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA

Kerajaan Malaysia, melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dengan kerjasama pemegang taruh khususnya pertubuhan majikan dan kesatuan sekerja telah merangka dan mewujudkan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Negara.

Matlamat utama Dasar KKP Negara adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan menerusi pengurusan risiko yang mampan di tempat kerja dalam melindungi majikan dan pekerja di Malaysia di samping meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

  
**PERDANA MENTERI MALAYSIA**  
(15 Januari 2021)

Kerajaan Malaysia mengiktiraf pekerja sebagai aset terpenting negara dengan memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang merupakan hak asasi pekerja diutamakan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif.

Justeru itu, Kerajaan komited untuk:

- i. Meningkatkan tahap KKP Negara melalui pelbagai kaedah serta pendekatan ke arah memantapkan Budaya Pencegahan di tempat kerja;
- ii. Mengawal selia dan menguatkuasakan perundungan KKP di tempat kerja;
- iii. Meningkatkan penglibatan dan kerjasama agensi Kerajaan, majikan, pekerja, persatuan dan kesatuan industri, pemegang taruh serta pihak berkepentingan melalui MNKKP sebagai badan 'tripartite' tertinggi negara untuk memantapkan pengurusan dan tadbir urus KKP negara;
- iv. Memantapkan struktur institusi bagi pelaksanaan sistem bersepadu KKP di peringkat nasional yang merangkumi penetapan dasar, penyediaan piawaian, inspektorat KKP nasional serta institusi penyelidikan dan latihan;
- v. Menyedia, menyemak dan mengemaskini profil KKP Negara untuk mendapat gambaran yang menyeluruh dan bagi tujuan penandaarasan;
- vi. Memastikan majikan untuk menyediakan tempat kerja di bawah kawalannya mempunyai sistem kerja yang selamat dan sihat serta menjaga kebajikan pekerjanya semasa bekerja;
- vii. Memastikan pekerja memberikan perhatian bagi keselamatan dan kesihatan dirinya serta orang lain yang mungkin terjejas oleh tindakan atau peninggalannya semasa bekerja;
- viii. Memastikan pihak bertanggungjawab yang mereka bentuk, mengilang, mengimport dan membekal produk, bahan dan peralatan bagi kegunaan di tempat kerja bagi memastikan produk yang dibekalkan adalah selamat dan tanpa risiko kesihatan berserta infomasi yang tepat dan lengkap; dan
- ix. Menjalin kolaborasi dan kerjasama untuk menangani isu KKP dengan negara luar dan organisasi antarabangsa.

Dasar ini terpakai kepada semua tempat kerja, majikan dan pekerja yang tertakluk di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan perlu disemak semula secara berkala.



JABATAN KESELAMATAN  
DAN KESIHATAN PEKERJAAN

# KENYATAAN DASAR KUALITI, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Adalah menjadi dasar Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan untuk secara berterusan mempertingkatkan kualiti produk, perkhidmatan serta prestasi keselamatan dan kesihatan kakitangan disamping mereka yang berkaitan.

Pihak pengurusan dan kakitangannya akan sama-sama berusaha untuk mencegah sebarang potensi ketidakakuruan produk dan perkhidmatannya serta sebarang kemungkinan kecederaan dan penyakit dari insiden yang berlaku di tempat kerja.

Jabatan ini komited untuk:



- a) Menyediakan dan menyelenggara suatu tempat dan sistem kerja yang berkualiti, selamat serta sihat dari sebarang hazard dan risiko;
- b) Mempastikan bahawa semua kakitangan adalah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- c) Menyiasat semua ketidakakuruan produk dan perkhidmatannya, insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan kejadian berbahaya serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan ianya tersebut tidak berulang lagi;

- d) Mengenalpasti, mematuhi kehendak-kehendak pelanggan, perundangan dan lain-lain keperluan seperti ditetapkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturannya dan tataamalan industri yang diluluskan;
- e) Mempromosikan dan mencapai objektif kualiti, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, prosedur kerja, peraturan-peraturan dan garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerjanya di seluruh negara.

Untuk memastikan pelaksanaan dasar ini, sistem Pengurusan Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan diwujudkan, dilaksanakan dan diselenggarakan di Jabatan ini.



(Ir. Zailee Bin Dollah)

**KETUA PENGARAH**

JABATAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN  
MALAYSIA

Tarikh : 9 November 2020





## DASAR ANTI RASUAH

# JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) komited dalam melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah kepada semua kakitangan dan pihak berkepentingan ke arah pencapaian perkhidmatan yang cekap dan berintegriti.

JKKP tidak akan bertoleransi terhadap semua bentuk rasuah dan komited untuk:-

- a) Memerangi rasuah dan mengekalkan persekitaran kerja bebas rasuah bagi semua kakitangan dan pihak berkepentingan;
- b) Memenuhi keperluan perlaksanaan Sistem Pengurusan Anti rasuah (ABMS) MS ISO 37001 : 2016;
- c) Menegakkan dan mematuhi undang-undang anti rasuah yang berkaitan seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, Kanun Keseksaan, dan lain-lain peraturan dan arahan yang berkaitan;
- d) Menyediakan program untuk menetapkan, menyemak dan mengukur pencapaian objektif ABMS
- e) Menyediakan saluran bagi menggalakkan pelaporan berkenaan Kelakuan Tidak Wajar(KTW) dan melindungi identiti pemberi maklumat;
- f) Menggalakkan supaya sebarang pemberian, permintaan, dan penerimaan, rasuah kepada/daripada kakitangan JKKP oleh mana-mana orang dilaporkan kepada Unit Yang Bertanggungjawab;
- g) Memastikan penilaian semula dan penambahbaikan ABMS dilaksanakan secara berterusan;
- h) Unit Yang Bertanggungjawab diberikan kepercayaan penuh dalam urus tadbir berkenaan KTW dan siasatan terhadap aduan yang diterima; dan
- i) Mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mana-mana kakitangan JKKP yang terlibat dengan perlakuan rasuah, salahguna kuasa atau penyelewengan, berlandaskan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasa.

(Ir. Zailee Bin Dollah)

KETUA PENGARAH

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
MALAYSIA

Tarikh : 9 November 2020



**Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan  
Kementerian Sumber Manusia**

## DASAR LATIHAN

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bermatlamat untuk membangunkan tenaga kerja yang cekap, terlatih, berintergriti dan profesional melalui pengurusan/latihan yang sistematis dan terancang selaras dengan misi dan objektif Jabatan bagi mencapai tujuan berikut:


- Menyediakan tenaga kerja yang berkelayakan, berpengetahuan, berkebolehan dan berintegriti;
- Meningkatkan kemahiran, kecekapan dan kepakaran;
- Mencapai hasil kerja yang produktif dan bermutu tinggi; dan
- Meningkatkan pembangunan kerjaya

Sesungguhnya Jabatan adalah komited untuk menyediakan sumber dan kemudahan yang diperlukan bagi mencapai matlamat.


  
.....  
**( IR. ZAHEE BIN DOLLAH )**  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
MALAYSIA



# ④ PENGURUSAN TERTINGGI



# Carta ORGANISASI







05

# PENGARAH BAHAGIAN & NEGERI

# PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN



**EN. MOHD ANUAR BIN EMBI**  
Timbalan Ketua Pengarah  
Keselamatan Pekerjaan



**IR. ZAILEE BIN DOLLAH**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan  
Malaysia



**IR. HJ. MOHD HATTA  
BIN ZAKARIA**  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Kesihatan Pekerjaan)

# PENGARAH BAHAGIAN



**IR. MOHD ROSDEE BIN YAACOB**  
Bahagian Keselamatan Petroleum

**TS. NAZRUDDIN BIN MAT ALI**  
Bahagian Keselamatan Tapak Bina

**ROSNIZAWATI BINTI BAHAROM**  
Bahagian Industri Kecil Sederhana & Sektor Bukan Kilang

**AHMAD NAZRI BIN ABD. KADER**  
Bahagian Keselamatan Industri

**IR. TS. DR. MAJAHAR BIN ABD RAHMAN**  
Bahagian Dasar Antarabangsa & Pembangunan Penyelidikan

**AGUSE BIN ADI**  
Sekretariat Majlis Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan



**SALINA BINTI TUKIMIN**  
Bahagian Kejuruteraan Forensik

**IR. TS. HAZLINA BINTI YON**  
Bahagian Pengurusan Kimia

**DR FAIZAL BIN HJ ZAINUDIN**  
Bahagian Khidmat Pengurusan

**HABIBAH BINTI SUPOH**  
Bahagian Higien Industri & Ergonomik

**DR. AHMAD FITRI BIN ABDULLAH HAIR**  
Bahagian Kesihatan Pekerjaan

**EFFIZAH ERNIE BINTI IDRIS**  
Penasihat Undang-undang

# PENGARAH NEGERI



BAHRUDIN BIN MAMAT  
SELANGOR



HUSDIN BIN CHE MAT  
JOHOR



IR. ZAMZURIN BIN MAAROF  
WP KUALA LUMPUR



SARIMAH BINTI AWANG  
PAHANG



HAIROZIE BIN ASRI  
KEDAH



ZULKIFLI BIN YAHYA  
SABAH



HANISAH BINTI AHMAD @  
MD SAID  
PULAU PINANG



MOHD ZAHARI BIN HITAM  
TERENGGANU



# PENGARAH NEGERI



SUPIAN BIN ALIAS  
PERAK



DR. RABAAYAH BINTI  
DAUD  
MELAKA



IR. DR. NOR HALIM BIN HASAN  
SARAWAK



H.J. JAAFAR BIN LEHMAN  
NEGERI SEMBILAN



IR. ABDUL AZIZ BIN SALIM  
KELANTAN



AMREE BIN GHAZI  
PERLIS



RADIN HANIDA BINTI RADIN  
HARUN  
WP LABUAN





Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah sebuah badan tertinggi yang bertanggungjawab menentukan halatuju dan dasar Negara berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia. Ianya ditubuhkan pada tahun 1995 mengikut kehendak Seksyen 8, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Objektif utama penubuhan MNKKP merupakan usaha berterusan pihak kerajaan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebaikan pekerja di tempat kerja adalah terjamin. Sehubungan itu, MNKKP semakin matang dan sentiasa giat berusaha dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam menjadikan amalan kerja selamat dan sihat sebahagian daripada budaya rakyat Malaysia. Usaha ini berlandaskan kepada proses tripartisme ke arah membudayakan amalan tersebut.

MNKKP terdiri daripada lima belas ahli dan seorang setiausaha. Timbalan Menteri Sumber Manusia telah dilantik sebagai Pengurus MNKKP, manakala sekretariatnya terdiri daripada Pegawai Kanan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Ahli MNKKP kini terdiri daripada wakil-wakil pihak kerajaan, majikan dan pekerja, badan profesional dan pemerhati.

**Pengerusi**

**YB Datuk Hj. Awang bin Hashim**  
(Timb. Menteri Sumber Manusia)

**Timbalan Pengerusi**

**YBhg Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar**  
(Timb. Ketua Setiausaha (Operasi) KSM)

**Setiausaha**

**En. Aguse bin Adi**  
(JKKP)

**WAKIL KERAJAAN**

**YBrs. Dr. Ahmad Rafee bin Che Kasim**  
(KPM)



**YBhg. Dato' Mohammad Radhi bin Abdul Razak**  
(Kem. Pembangunan Usahawan & Koperasi)

**YBrs. Dr. Priya A/P Ragumath**  
(KKM)

**WAKIL MAJIKAN**

**YBhg. Dato' Dr. Syed Hussain bin Syed Husman**  
(Presiden MEF)

**YBhg. Dato' J. Palaniappan**  
(FMM)

**YBrs. Tn. Yap Kok Wai**  
(MBAM)

**WAKIL PEKERJA**

**YBrs. Tn. Haji Adnan bin Mat**  
(Presiden CUEPACS)



**YBrs. Tn. Kamarul Baharin bin Mansur**  
(MTUC)

**YBrs. Tn. Shahril Faizal bin Abdul Jani**  
(kem. Pertanian & Industri Makanan)

**WAKIL BADAN PROFESSIONAL**

**YBhg. Tan Sri Datuk Seri Tan Kean Soon**  
(Malaysia Oil & Gas Alliance)

**YBrs. Khairuddin bin Hairan**  
(Persatuan KKP Malaysia  
- MSCSH)

**YBrs. Tn. Tan Fuu Soon**  
(Persatuan PKS Malaysia)

**YBrs. Tn. Aminuddin bin Awang**  
(NUTP)

**YBrs. Dr. Priya A/P Ragumath**  
(KKM)

**PEMERHATI**

**YBrs. Ir. Zailee bin Dollah**  
(JKKP)

**YBrs. En. Ayop bin Ismail**  
(Institut Keselamatan dan Kesihatan  
Pekerjaan Negara - NIOSH)

**YBrs. Dr. Azlan bin Darus**  
(Perkeso)

**YBrs. Puan Norhazlina bte. Mydin**  
(MyFOSH)

**YBrs. Tn. Mohammad Reezal bin Ahmad**  
(Kem Kewangan Malaysia)



Aktiviti MNKKP Januari 2021 hingga Disember 2021

## World OSH Day 2021

Bil	Program	Platform	Lokasi	Tarikh	Bil Peserta	Perasmian
1	Hari Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia 2021	Secara Forum	Putrajaya	28-Apr-21	1000	Hanya Ahli Panel

## OSH Week 2021

Bil	Program	Platform	Lokasi	Tarikh	Bilangan Peserta	Perasmian
1	Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2021	Secara dalam talian	Putrajaya	12 - 13 Oktober 2021	2500	Perdana Menteri Malaysia

## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

### Mesyuarat MNKKP Bil.02/2021 & Majlis Ukhuwah Ramadan

Bil	Program	Platform	Lokasi	Tarikh	Bilangan Peserta	Perasmi
1	Mesyuarat Majlis Negara Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Bil.02/2021 & Majlis Ukhuwah Ramadan	Secara Fizikal	Le Meridien, Putrajaya	5 Mei 2021	20	YB Datuk Haji Awang Bin Hashim Timbalan Menteri Sumber Manusia
	Majlis Pelantikan & Penghargaan Ahli MNKKP 2018 - 2021				30	
	Majlis Ukhuwah Ramadan				50	

### Aktiviti Biro MNKKP yang telah dijalankan 2021

Bil	Program	Platform	Lokasi	Lokasi	Tarikh	Bil Peserta	Perasmi
1	Bengkel Penyelarasan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-Coordinator) 2021 Sesi 1	Secara dalam talian	Putrajaya	Biro Pendidikan	13 - 15 sept 2021	20	Dr. Rafee
	New Norm for SME Business Operation Post-Covid 19 in Manufacturing Sector Seminar						
2	Program Webinar On Heavy Lifting & High Level Of Concreting	Secara dalam talian	Kuala Lumpur	Biro Pembinaan	21 Oktober 2021	100	Ir Zamzurin Bin Maarof
	Bengkel Kesedaran Kesihatan Pekerjaan Dalam Persediaan Menuju Status Endemik Covid-19 Bagi Tahun 2021						
3	Biro Kesihatan Pekerjaan	Putrajaya	Biro Kesihatan Pekerjaan	23 Oktober 2021	250	YB Datuk Haji Awang Bin Hashim Timbalan Menteri	

## Aktiviti Biro MNKKP akan dijalankan 2021

Bil	Program	Platform	Lokasi	Lokasi	Tarikh	Bilangan Peserta	Perasmian
1	Bengkel Kerja Selamat Dan Sihat Sektor Informal Perikanan Zon Timur	Secara Fizikal	Selangor	Biro 3P	12-Nov-21	150	YB Datuk Haji Awang Bin Hashim Timbalan Menteri Sumber Manusia
2	Majlis Perasmian dan Bengkel Penyelaras Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-Coordinator) 2021 Sesi 2		Kuantan	Biro Pendidikan	22 - 25 Nov 2021	20	YB Datuk Haji Awang Bin Hashim Timbalan Menteri Sumber Manusia

- i. 28 April 2021 – Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja 2021, Putrajaya



- ii. 12 – 13 Oktober 2021 - Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2021 dan Pelancaran Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP 25)



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

- iii. 5 Mei 2021 - Mesyuarat Majlis Negara Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Bil.02/2021 & Majlis Ukhuwah Ramadan, Le Meridien, Putrajaya



- iv. 13 – 15 September 2021 - Bengkel Penyelarasan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) 2021 Sesi 1, Putrajaya



- v. 20 Oktober 2021 - New Norm for SME Business Operation Post-Covid 19 in Manufacturing Sector Seminar, Putrajaya.

NEW NORM FOR SME BUSINESS OPERATION  
POST-COVID 19 IN MANUFACTURING SECTOR  
20 OCTOBER 2021 8.00 AM - 1.00 PM

Ir. ZAILEE BIN DOLLAH

vi. 21 Oktober 2021 - Program Webinar On Heavy Lifting & High Level Of Concreting, Kuala Lumpur



vii. 23 Oktober 2021 - Bengkel Kesedaran Kesihatan Pekerjaan Dalam Persediaan Menuju Status Endemik Covid-19 Bagi Tahun 2021, Putrajaya



viii. 12 Nov 21 - Bengkel Kerja Selamat Dan Sihat Sektor Informal Perikanan Zon Timur, Selangor





06  
FAKTA  
PENCAPAIAN TAHUN 2021

**KPI MENTERI SUMBER MANUSIA DAN KETUA PENGARAH 2021****Statistik Umum JKPP 2021  
Pencapaian Petunjuk Prestasi (KPI) Utama Jabatan****A**

<b>KPI MENTERI SUMBER MANUSIA 2021</b>			
<b>KPI</b>	<b>Sasaran 2021</b>	<b>Capai 2021</b>	<b>Peratus Pencapaian</b>
<b>Safety and health</b>			
Mengurangkan Kadar Kecederaan Pekerjaan Negara (per 1,000 pekerja)	<b>2.52</b>	<b>1.43</b>	<b>176%</b>
Mengurangkan Kadar Kecederaan Maut Pekerjaan Negara (per 100,000 pekerja)	<b>3.53</b>	<b>2.00</b>	<b>177%</b>
Peratusan Tahap Pematuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Tempat Kerja Adalah Memuaskan	<b>80%</b>	<b>81%</b>	<b>101%</b>

**B TINDAKAN PUNITIF**

<b>B1</b>	<b>Ringkasan Tindakan Punitif</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
1	Pendakwaan				
	(a) Bilangan Kes Didakwa	318	424	232	177
	(b) Jumlah Penalti (RM)	3,714,700	5,140,800	2,994,800	2,022,400
2	Kompaun				
	(a) Bilangan Kompaun yang Dikeluarkan	945	1,506	583	488
	(b) Jumlah Kutipan Kompaun (RM)	1,487,500	2,951,500	1,910,000	1,651,000
3	Notis	27,024	26,980	16,325	9,455
	(a) Notis Perbaikan	14,358	14,678	7,101	3,360
	(b) Notis Larangan	12,666	12,301	9,224	6,095
4	Surat Arahuan	42,389	43,760	33,828	33,798

<b>B2</b>	<b>Bilangan Kes Didakwa</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
i	Pengilangan	156	228	107	112
ii	Perlombongan dan Penguarian	7	10	2	1
iii	Pembinaan	113	129	73	52
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	6	20	17	4
v	Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	5	8	3	3
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	8	7	9	1
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	4	3	3	0
viii	Hotel dan Restoran	5	4	2	2
ix	Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	14	15	15	2
x	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	0	0	1	0
	<b>Jumlah</b>	<b>318</b>	<b>424</b>	<b>232</b>	<b>177</b>

B3	Jumlah Penalti Pendakwaan (RM)	2018	2019	2020	2021
i	Pengilangan	1,698,600	2,346,400	1,412,200	1,102,900
ii	Perlombongan dan Penguarian	60,000	186,800	58,000	40,000
iii	Pembinaan	1,512,600	1,947,300	1,025,500	777,500
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	58,500	234,500	174,000	36,000
v	Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	53,000	63,000	0	2,000
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	114,500	102,000	51,000	20,000
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	16,000	24,800	94,000	0
viii	Hotel dan Restoran	37,000	40,000	30,000	3,000
ix	Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	164,500	196,000	134,100	41,000
x	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	0	0	16,000	0
<b>Jumlah</b>		<b>3,714,700</b>	<b>5,140,800</b>	<b>2,994,800</b>	<b>2,022,400</b>

B4	Bilangan Kompaun yang Dikeluarkan	2018	2019	2020	2021
i	Pengilangan	140	213	145	123
ii	Perlombongan dan Penguarian	4	5	2	0
iii	Pembinaan	740	1243	404	327
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	5	0	0	3
v	Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	0	1	1	1
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	0	2	0	0
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	0	1	0	4
viii	Hotel dan Restoran	2	4	2	1
ix	Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	54	37	29	29
x	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>945</b>	<b>1,506</b>	<b>583</b>	<b>488</b>

B5	Jumlah Kutipan Kompaun (RM)	2018	2019	2020	2021
i	Pengilangan	281,000	852,000	1,132,500	886,000
ii	Perlombongan dan Penguarian	2,000	12,000	10,000	0
iii	Pembinaan	1,123,500	2,031,000	703,000	633,000
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	15,500	0	0	45,000
v	Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	0	10,000	500	10,000
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	0	10,000	0	0
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	0	500	0	16,500
viii	Hotel dan Restoran	8,000	3,500	30,000	15,000
ix	Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	57,500	32,500	37,000	45,500
x	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1,487,500</b>	<b>2,951,500</b>	<b>1,913,000</b>	<b>1,651,000</b>

**LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021**

B6	Notis	2018	2019	2020	2021
i	Pengilangan	12,914	13,915	8,678	5,342
ii	Perlombongan dan Penguarian	333	265	214	88
iii	Pembinaan	9,429	8,169	5,117	2,448
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	701	905	303	134
v	Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	277	332	134	118
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	241	331	158	84
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	595	486	241	123
viii	Hotel dan Restoran	563	554	284	95
ix	Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	1,790	1,835	1,048	965
x	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	181	188	148	58
	Jumlah	<b>27,024</b>	<b>26,980</b>	<b>16,325</b>	<b>9,455</b>

B7	Notis Perbaikan	2018	2019	2020	2021
i	Pengilangan	7,713	8,318	4,517	2,001
ii	Perlombongan dan Penguarian	248	220	127	63
iii	Pembinaan	4,244	3,565	1,364	865
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	601	761	230	86
v	Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	163	195	95	86
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	158	229	112	32
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	447	402	162	82
viii	Hotel dan Restoran	412	441	182	30
ix	Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	351	489	257	110
x	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	21	58	55	5
	Jumlah	<b>14,358</b>	<b>14,678</b>	<b>7,101</b>	<b>3,360</b>

B8	Notis Larangan	2018	2019	2020	2021
i	Pengilangan	5,201	5,597	4,161	3,341
ii	Perlombongan dan Penguarian	85	45	87	25
iii	Pembinaan	5,185	4,603	3,753	1,583
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	100	144	73	48
v	Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	114	137	39	32
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	83	102	46	52
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	148	84	79	41
viii	Hotel dan Restoran	151	113	102	65
ix	Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	1,439	1,346	791	855
x	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	160	130	93	53
	Jumlah	<b>12,666</b>	<b>12,301</b>	<b>9,224</b>	<b>6,095</b>

B9	Surat Arahan	2018	2019	2020	2021
i	Pengilangan	22,567	24,019	21,498	19,374
ii	Perlombongan dan Pengkuarian	498	347	203	199
iii	Pembinaan	7,735	7,977	4,209	5,338
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,573	1,740	1,304	1,394
v	Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	795	718	508	817
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	671	679	473	502
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	1,546	902	759	760
viii	Hotel dan Restoran	1,100	1,011	778	534
ix	Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	4,893	4,947	3,020	3,850
x	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	1,011	1,420	1,076	1,030
<b>Jumlah</b>		<b>42,389</b>	<b>43,760</b>	<b>33,828</b>	<b>33,798</b>

### C STATISTIK KEMALANGAN NEGARA

C		2018	2019	2020	2021
C1	<b>Ringkasan Statistik Kemalangan Pekerjaan Negara</b>				
1	Kadar Kecederaan dan Kecederaan Maut				
	(a) Kadar Kecederaan per 1,000 pekerja	2.40	2.71	2.18	1.43
	(b) Kadar Kecederaan Maut per 100,000 pekerja	4.14	3.83	2.09	2.00
2	Jumlah Kecederaan				
	(a) Jumlah Kecederaan semasa Bekerja	35,460	40,811	32,674	21,534
	(b) Jumlah Maut semasa Bekerja	611	578	312	301
3	Purata Jumlah Pekerja	14,776,000	15,073,400	14,956,700	15,064,200

C2	<b>Kadar Kecederaan (per 1,000 pekerja)</b>	2018	2019	2020	2021
i	Pembuatan/Pengilangan	4.62	4.74	4.12	3.20
ii	Perlombongan dan Pengkuarian	2.00	2.23	1.48	1.90
iii	Pembinaan	3.11	3.81	3.37	1.98
iv	Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan	1.60	1.77	1.34	1.06
v	Kemudahan (Elektrik, Gas, Air dan Kebersihan)	3.07	4.45	3.15	1.95
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	1.67	2.22	1.58	1.44
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	1.53	1.69	1.24	0.70
viii	Hotel dan Restoran	0.50	0.61	0.38	0.18
ix	Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perniagaan	1.76	1.94	2.66	1.47
x	Perkhidmatan	2.67	3.08	2.34	1.24
C3	<b>Kadar Kecederaan Maut (per 100,000 pekerja)</b>	2018	2019	2020	2021
i	Pembuatan/Pengilangan	5.16	4.70	3.32	2.60
ii	Perlombongan dan Pengkuarian	5.51	9.89	3.65	10.98
iii	Pembinaan	13.44	11.28	6.90	6.30

## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

iv	Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan	5.54	5.13	3.19	1.68
v	Kemudahan (Elektrik, Gas, Air dan Kebersihan)	3.81	8.11	1.87	4.90
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	4.27	4.76	1.42	4.26
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	1.85	1.35	0.36	0.32
viii	Hotel dan Restoran	0.54	0.77	0.19	0.07
ix	Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perniagaan	4.85	2.58	1.56	2.78
x	Perkhidmatan	2.37	2.79	1.55	1.35

C4	Jumlah Kecederaan	2018	2019	2020	2021
i	Pembuatan/Pengilangan	11,555	12,704	10,303	7,994
ii	Perlombongan dan Pengkuarian	182	203	122	156
iii	Pembinaan	3,911	4,863	3,958	2,297
iv	Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan	2,518	2,730	2,106	1,638
v	Kemudahan (Elektrik, Gas, Air dan Kebersihan)	484	713	505	318
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	1,530	1,954	1,440	1,354
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	3,889	4,372	3,429	1,979
viii	Hotel dan Restoran	743	949	585	283
ix	Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perniagaan	1,412	1,580	2,218	1,216
x	Perkhidmatan	9,236	10,743	8,008	4,299
<b>Jumlah</b>		<b>35,460</b>	<b>40,811</b>	<b>32,674</b>	<b>21,534</b>

C5	Jumlah Kecederaan (Pekerja Tempatan)	2018	2019	2020	2021
i	Pembuatan/Pengilangan	8,105	9,664	7,785	5,923
ii	Perlombongan dan Pengkuarian	163	183	113	147
iii	Pembinaan	3,516	4,393	3,478	1,827
iv	Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan	1,310	1,550	1,234	809
v	Kemudahan (Elektrik, Gas, Air dan Kebersihan)	461	687	485	299
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	1,485	1,878	1,397	1,317
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	3,739	4,131	3,107	1,716
viii	Hotel dan Restoran	707	919	574	279
ix	Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perniagaan	1,395	1,517	2,068	1,094
x	Perkhidmatan	9,002	10,395	7,513	3,891
<b>Jumlah</b>		<b>29,883</b>	<b>35,317</b>	<b>27,754</b>	<b>17,302</b>

C6	Jumlah Kecederaan (Pekerja Asing)	2018	2019	2020	2021
i	Pembuatan/Pengilangan	3,450	3,040	2,518	2,071
ii	Perlombongan dan Pengkuarian	19	20	9	9
iii	Pembinaan	395	470	480	470
iv	(Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan)	1,208	1,180	872	829

v	Kemudahan (Elektrik, Gas, Air dan Kebersihan)	23	26	20	19
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	45	76	43	37
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	150	241	322	263
viii	Hotel dan Restoran	36	30	11	4
ix	Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perniagaan	17	63	150	122
x	Perkhidmatan	234	348	495	408
<b>Jumlah</b>		<b>5,577</b>	<b>5,494</b>	<b>4,920</b>	<b>4,232</b>

C7	<b>Jumlah Kecederaan Maut</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
i	Pembuatan/Pengilangan	129	126	83	65
ii	Perlombongan dan Pengkuarian	5	9	3	9
iii	Pembinaan	169	144	81	73
iv	Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan	87	79	50	26
v	Kemudahan (Elektrik, Gas, Air dan Kebersihan)	6	13	3	8
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	39	42	13	40
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	47	35	10	9
viii	Hotel dan Restoran	8	12	3	1
ix	Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perniagaan	39	21	13	23
x	Perkhidmatan	82	97	53	47
<b>Jumlah</b>		<b>611</b>	<b>578</b>	<b>312</b>	<b>301</b>

C8	<b>Jumlah Kecederaan Maut (Pekerja Tempatan)</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
i	Pembuatan/Pengilangan	57	65	41	38
ii	Perlombongan dan Pengkuarian	5	5	3	7
iii	Pembinaan	67	59	35	27
iv	Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan	18	33	20	13
v	Kemudahan (Elektrik, Gas, Air dan Kebersihan)	5	10	2	6
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	34	31	12	39
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	37	23	8	8
viii	Hotel dan Restoran	5	7	3	1
ix	Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perniagaan	34	13	9	19
x	Perkhidmatan	68	86	51	46
<b>Jumlah</b>		<b>330</b>	<b>332</b>	<b>184</b>	<b>204</b>

C9	<b>Jumlah Kecederaan Maut (Pekerja Asing)</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
i	Pembuatan/Pengilangan	72	61	42	27
ii	Perlombongan dan Pengkuarian	0	4	0	2
iii	Pembinaan	102	85	46	46
iv	Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan	69	46	30	13

**LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021**

v	Kemudahan (Elektrik, Gas, Air dan Kebersihan)	1	3	1	2
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	5	11	1	1
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	10	12	2	1
viii	Hotel dan Restoran	3	5	0	0
ix	Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perniagaan	5	8	4	4
x	Perkhidmatan	14	11	2	1
<b>Jumlah</b>		<b>281</b>	<b>246</b>	<b>128</b>	<b>97</b>

C10	<b>Kadar Kecederaan (per 1,000 pekerja) - Mengikut Negeri</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
i	Johor	4.33	4.16	3.55	3.11
ii	Kedah	2.21	2.38	2.12	1.09
iii	Kelantan	0.61	0.90	0.76	0.43
iv	Melaka	2.82	3.57	2.74	2.03
v	Negeri Sembilan	3.08	3.65	3.08	1.89
vi	Pahang	1.98	2.48	2.14	1.53
vii	Perak	3.30	3.97	3.32	1.92
viii	Perlis	1.13	1.18	1.16	1.64
ix	Pulau Pinang	3.40	4.13	3.25	1.99
x	Sabah	0.68	0.66	0.44	0.31
xi	Sarawak	1.90	1.89	1.76	0.94
xii	Selangor	2.19	2.78	2.04	1.19
xiii	Terengganu	1.28	1.47	1.11	0.95
xiv	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	3.97	4.25	3.14	1.76
xv	Wilayah Persekutuan Labuan	1.47	0.72	0.65	0.41

C11	<b>Kadar Kecederaan Maut (per 100,000 pekerja) - Mengikut Negeri</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
i	Johor	6.02	6.43	3.66	3.23
ii	Kedah	3.52	2.06	0.98	0.96
iii	Kelantan	1.17	2.05	0.73	1.16
iv	Melaka	6.00	3.97	2.16	1.15
v	Negeri Sembilan	3.48	3.32	1.48	2.99
vi	Pahang	5.44	4.59	2.79	2.69
vii	Perak	4.45	6.61	1.82	2.49
viii	Perlis	2.88	1.84	0.00	0.00
ix	Pulau Pinang	5.30	4.79	2.40	1.52
x	Sabah	2.74	1.99	1.44	0.81
xi	Sarawak	7.30	5.06	2.85	2.74
xii	Selangor	2.96	2.26	1.65	1.53
xiii	Terengganu	2.46	4.03	2.15	1.71

xiv	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	4.40	6.03	3.07	4.26
xv	Wilayah Persekutuan Labuan	2.41	0.00	0.00	0.00

C12	Jumlah Kecederaan - Mengikut Negeri	2018	2019	2020	2021
i	Johor	7,327	7,299	6,311	5,489
ii	Kedah	2,010	2,202	1,942	1,017
iii	Kelantan	414	613	517	294
iv	Melaka	1,175	1,531	1,145	884
v	Negeri Sembilan	1,504	1,760	1,461	882
vi	Pahang	1,417	1,786	1,530	1,077
vii	Perak	3,413	4,146	3,460	2,004
viii	Perlis	117	128	122	178
ix	Pulau Pinang	2,827	3,453	2,710	1,703
x	Sabah	1,242	1,254	817	570
xi	Sarawak	2,415	2,470	2,222	1,204
xii	Selangor	7,537	9,710	7,033	4,195
xiii	Terengganu	572	693	517	444
xiv	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	3,429	3,737	2,859	1,575
xv	Wilayah Persekutuan Labuan	61	29	28	18
	<b>Jumlah</b>	<b>35,460</b>	<b>40,811</b>	<b>32,674</b>	<b>21,534</b>

C13	Jumlah Kecederaan Maut - Mengikut Negeri	2018	2019	2020	2021
i	Johor	102	113	65	57
ii	Kedah	32	19	9	9
iii	Kelantan	8	14	5	8
iv	Melaka	25	17	9	5
v	Negeri Sembilan	17	16	7	14
vi	Pahang	39	33	20	19
vii	Perak	46	69	19	26
viii	Perlis	3	2	0	0
ix	Pulau Pinang	44	40	20	13
x	Sabah	50	38	27	15
xi	Sarawak	93	66	36	35
xii	Selangor	102	79	57	54
xiii	Terengganu	11	19	10	8
xiv	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	38	53	28	38
xv	Wilayah Persekutuan Labuan	1	0	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>611</b>	<b>578</b>	<b>312</b>	<b>301</b>

**D Siasatan Aduan, Kemalangan Dan Penyakit Pekerjaan (Disiasat JKPP Sahaja)\***

D1	Ringkasan Siasatan	2018	2019	2020	2021
1	Kecederaan Pekerjaan				
	(a) Kecederaan	5,031	7,984	6,933	6,686
	(b) Kecederaan Maut	260	259	213	174
2	Aduan berkaitan KKP di Tempat Kerja	1,099	1,177	1,170	956

D2	Siasatan Kecederaan Mengikut Sektor	2018	2019	2020	2021
i	Pengilangan	3,234	4,948	4,506	4,269
ii	Perlombongan dan Penguarian	41	60	39	56
iii	Pembinaan	210	326	206	217
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	750	1,176	979	973
v	Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	173	258	220	207
vi	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	137	389	311	292
vii	Perdagangan Borong dan Runcit	76	87	128	187
viii	Hotel dan Restoran	124	235	140	126
ix	Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	228	406	327	285
x	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	58	99	77	74
xi	Tiada Maklumat				
	<b>Jumlah</b>	<b>5,031</b>	<b>7,984</b>	<b>6,933</b>	<b>6,686</b>

D3	Siasatan Kecederaan Maut mengikut Sektor	2018	2019	2020	2021
i	Pengilangan	68	73	73	48
ii	Perlombongan dan Penguarian	4	5	3	8
iii	Pembinaan	96	84	66	65
iv	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	27	43	43	16
Pemeriksaan dilakukan secara berkala setiap 15 bulan untuk menilai tahap kemampuan jentera supaya sentiasa dapat beroperasi secara selamat dan optimum.




## RINGKASAN PENCAPAIAN PENGUATKUASAAN JENTERA TAHUN 2021



Pencapaian Aktiviti Kerja Melibatkan Pemeriksaan Kilang & Jentera Tahun 2021

### Permohonan Kelulusan Rekabentuk



## SEKSYEN ANALISIS DAN PROSESAN



## PENCAPAIAN AKTIVITI KERJA MELIBATKAN PEMERIKSAAN KILANG


### Permohonan Kelulusan Rekabentuk




**4,043**  
Dandang Stim




**8,859**  
Autoclave




**74,910**  
Bejana Tekanan Tak Berapi




**40,190**  
Lif Penumpang




**8,706**  
Eskalator



**398**  
Dumbwaiter




**8,889**  
Kren Bergerak




**486**  
Tower Crane



**442**  
Passenger hoist



**227**  
Material Hoist



**49,115**

Lain-lain mesin angkat



**7,478**  
Pemeriksaan Kilang & Pemasangan Jentera Am



**49,115**  
Pemeriksaan Power Press




**19,646**  
Tindakan Punitif



**RM 39,000**  
Jumlah Bayaran Kompaun


## SOROTAN AKTIVITI BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI TAHUN 2021



## PENGUATKUASAAN FIRMA YANG KOMPETEN DAN PENDAFTARAN ORANG YANG KOMPETEN (OYK) – BARU



## Pendaftaran Orang Yang Kompeten (OYK) – Pembaharuan



## PENGUATKUASAAN FIRMA YANG KOMPETEN DAN PENDAFTARAN FIRMA YANG KOMPETEN (FYK) – BARU & PEMBAHARUAN

Pembuat,  
Pembaikpulih PV /  
Boiler



Baru Pembaharuan

24 | 96

Pembuat-  
Penyelenggara Lif  
/ Kontraktor



Baru Pembaharuan

10 | 29

Pemasang Kren  
Menara / Mesin  
Angkat  
Penumpang



Baru Pembaharuan


2 | 42

Pembuat Mesin  
Angkat



Baru Pembaharuan

5 | 17





## PENGUATKUASAAN TAPAK BINA


### Pengenalan

Bahagian Keselamatan Tapak Bina (BKTB) bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebaikan orang yang sedang bekerja di tapak pembinaan dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan di tapak pembinaan.

### Fungsi utama BKTB

- Menjalankan kajian dan analisis teknikal ke atas isu-isu keselamatan pekerjaan yang wujud di industri pembinaan;
- Menyemak semula dan membangunkan piawaian KKP industri pembinaan;
- Menyelaras penguatkuasakan undang-undang berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebaikan pekerjaan di industri pembinaan;
- Menjalankan program-program galakan dan publisiti untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di industri pembinaan; dan
- Mendaftar pusat pengajar kursus kompetensi Penyelia Keselamatan Tapak Bina, Pengendali Perancah dan Operator Kren

### Carta organisasi BKTB



Rajah 1: Carta organisasi BKTB tahun 2021

## Statistik kemalangan industri pembinaan

Sabtu tahun, Industri pembinaan menyumbang kepada jumlah kemalangan dan maut yang tinggi di Malaysia.

Tahun	Jumlah Kemalangan Tapak Bina	Jumlah Kemalangan Negara	Peratus Kemalangan Tapak Bina Berbanding Negara	Jumlah Maut Tapak Bina	Jumlah Maut Negara	Peratus Maut Tapak Bina Berbanding Negara
2015	3,905	38,753	10.1%	140	668	21.0%
2016	4,269	41,005	10.4%	160	688	23.3%
2017	4,266	42,513	10.0%	183	711	25.7%
2018	3,911	35,460	11.0%	169	614	27.5%
2019	4,863	40,811	11.9%	144	578	24.9%
2020	3,958	32,674	12.1%	81	312	25.9%

Jadual 1: Statistik kemalangan negara dan tapak bina

## Pelaksanaan fungsi BKTB

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Jabatan melalui Bahagian Keselamatan Tapak Bina (BKTB) dan Seksyen Kerja Bina (SKB) dalam menangani perkara tersebut selaras dengan fungsi Jabatan - Menyediaan standard/ rujukan, meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan menjalankan aktiviti promosi.



Rajah 2: Aktiviti BKTB tahun 2021

## Output Penyelarasan Operasi Tapak Pembinaan 2021


Dalam usaha meningkatkan pematuhan KKP oleh industri, program Operasi Tapak Pembinaan (OTP) dilaksanakan dengan ketetapan sesuai bergantung kepada isu dan permasalahan semasa. Pada tahun 2021, sebanyak 2 OTP telah dijalankan seperti maklumat berikut:

	OTP 1	OTP 2
Tema	#Operasi Cengkam	#Operasi Cegah
Tarikh	15 Mac 2021 hingga 14 April 2021	6 hingga 30 September 2021
Fokus	1. Perancah 2. Kerja di tempat tinggi 3. Penggunaan kenderaan	1. Laporan prestasi SHO 2. Tanggungjawab Jurutera Profesional dan Orang yang ditetapkan
Kaedah pelaksanaan	Pemeriksaan fizikal	Dalam talian

**Jadual 2:** Maklumat OTP 2021


Berikut adalah pencapaian yang dicatatkan:

**Pencapaian OTP Bil.1 Tahun 2021**



**Graf 1:** Pencapaian OTP bil.1 tahun 2021

Pencapaian OTP Bil.2 Tahun 2021



Graf 2: Pencapaian OTP bil.2 tahun 2021

Berikut ialah perkongsian gambar pelaksanaan OTP oleh JKPP Negeri:



Rajah 3: Pemeriksaan perancah pada OTP bil.1



Rajah 4: Penglibatan pegawai SKB JKPP WPKLP pada OTP bil.1



Rajah 5: Aktiviti sita loji pada OTP bil.1



Rajah 6: Pemeriksaan tapak oleh pegawai SKB JKKP Sarawak pada OTP bil.1



Rajah 7: Pemeriksaan akses pekerja pada OTP bil.1

## Pemantauan dan verifikasi laporan prestasi SHO


Mengikut rekod, berikut adalah jumlah SHO di Malaysia sehingga Dis. 2021:

SHO	Berdaftar
Semua sektor	9,493
Pembinaan	2,960

**Jadual 4:** Bilangan SHO berdaftar 2021

Pada 2016, BKTB telah membangunkan 1 bentuk laporan prestasi SHO dan 5 panduan kerja bahaya yang boleh digunakan oleh pengamal KKP khususnya SHO untuk memastikan pematuhan KKP di tapak. Sejak pembangunan laporan dan panduan tersebut, BKTB telah membuat pemantauan dan verifikasi sepanjang tahun bagi memastikan inisiatif tersebut beri manfaat kepada industry seterusnya menambahbaik prestasi KKP pembinaan.

Berikut adalah dapatan penglibatan SHO bagi tahun 2021:



**Rajah 8:** Jumlah pengisian laporan prestasi SHO

Pemantauan prestasi SHO melalui pengisian google form oleh SHO sendiri akan dijadikan peranan berterusan BKTB.

## Promosi OSHCIM

Sebaran konsep OSHCIM berdasarkan Garis Panduan OSHCIM 2017 dibuat sebagai persediaan industri kearah pematuhan Peraturan Kerja Pembinaan 202x. Beberapa siri webinar dan bengkel telah dijalankan sepanjang tahun 2021 seperti berikut:

Bil	Program	Tarikh	Tempat	Penganjur	Peserta
1	Bengkel Risk Assessment bagi kerja bumbung dan pengorekan	17-18 Nov	Uniten Bangi	BKTB	Klien dan Persatuan
2	Webinar SHO Industri Pembinaan Seluruh Negara	29 Oktober	Webinar (GMeet & Youtube live)	BKTB	SHO
3	Bengkel kerja bumbung dan pengorekan	12 April	JKKP Ibu Pejabat	BKTB	Klien dan Persatuan
4	Bengkel OSHCIM	26 Mac	KLCC	Petronas	Petronas

**Jadual 4:** Senarai program promosi 2021



**Rajah 8:** Wakil BKTB dan sebahagian peserta Bengkel Risk Assessment bagi kerja bumbung dan pengorekan di UNITEN pada 17-18 Nov. 2021



**Rajah 9:** Semua peserta Bengkel Risk Assessment bagi kerja bumbung dan pengorekan di UNITEN pada 17-18 Nov. 2021



**Rajah 10:** Bengkel kerja bumbung dan pengorekan di JKKP Ibu Pejabat pada 12 April 2021



Rajah 11: Bengkel OSCHIM di KLCC pada 26 Mac 2021

### Aktiviti berkaitan kursus kompetensi di pusat pengajar diiktiraf Jabatan

BKTB juga berperanan untuk menjalankan aktiviti pendaftaran, pembaharuan dan pemantauan Pusat Pengajar dan Tenaga Pengajar Kursus Kompetensi berkaitan aktiviti pembinaan iaitu Penyelia Keselamatan Tapak Bina, Pengendali Perancah dan Operator Kren.

Berikut adalah maklumat berkaitan pusat pengajar dan tenaga pengajar berdaftar/ diiktiraf oleh Jabatan di bawah pengurusan BKTB:



Rajah 8: Maklumat Pusat Pengajar dan Tenaga Pengajar berdaftar

## Penguatkuasaan Higien dan Ergonomik


Secara amnya, Bahagian Higien dan Ergonomik bertanggungjawab untuk:

- a) Melaksanakan aktiviti-aktiviti pengiktirafan orang yang kompeten (OYK) dan Pusat Pengajar
- b) Melaksanakan aktiviti kelulusan ke atas kelengkapan pelindung diri, peralatan permonitoran Higien industri, kawalan kejuruteraan, pusat ujian audiometrik dan proses pembagasan pasir kepada kesihatan
- c) Mengenalpasti bahaya industri dan Ergonomik dan menyediakan kaedah penilaian dan pengawasan untuk dilaksanakan oleh pejabat negeri
- d) Merancang dan memantau aktiviti Higien dan Ergonomik pejabat negeri
- e) Melaksanakan aktiviti kelulusan ke atas peralatan perlindungan diri, peralatan permonitoran Higien industri, kawalan kejuruteraan, pusat ujian audiometrik dan makmal cerakinan dan proses berbahaya kepada kesihatan


## PENGUATKUASAAN BUNYI BISING

### Bil. Kes ONRHD Mengikut Tahun Tahun 2020 & 2021 & Statistik Pematuhan Penguatkuasaan NICE 2021


Bilangan Kes ONRHD Mengikut Negeri bagi Tahun 2020 dan 2021



### Statistik Pematuhan Noise Berdasarkan Elemen Penguatkuasaan NICE 2021



### Statistik Pematuhan Noise Berdasarkan Elemen Penguatkuasaan NCAPP/Nforce 2021



## Fokus Penguatkuasaan Noise

Fokus Sektor Bagi Program NICE, NCaPP dan Nforce

- Program NICE - Pengesahan Awal Risiko Pendedahan Bising Di Tempat Kerja
- Program NCaPP (Penguatkuasaan Proaktif) - Penumpuan Kepada Kawalan Kebisingan (Noise Control)
- Program Nforce (Penguatkuasaan Reaktif) - Penumpuan Kepada Tempat Kerja Yang Mempunyai Kes-kes ONRHD
- Penumpuan kepada tuntutan Kes Penyakit Khidmat (*Hearing Impairment*) PERKESO

BIL	SEKTOR	SUBSEKTOR
1	Pengilangan	Pembuatan Logam
		Pembuatan Makanan
		Pembuatan Plastik/Getah
		Perkayuan
		Pembuatan Kertas
		Pembuatan Automotif
		Pembuatan Plastik/Getah
2	Perlombongan Dan Penguarian	Penguarian
3	Pembinaan	Syarikat Kontraktor Utama
4	Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan	Perhutanan (Kerja Menebang Pokok)
		Pertanian (Penggunaan Jentera)
5	Kemudahan Elektrik, Gas, Air Dan Perkhidmatan Pemersihan	Perkhidmatan Sanitari (Cth : IWK, Insinerator)
		Stesen Janaelektrik
		Loji Rawatan Air (Rumah Pam)
6	Pengangkutan, Penyimpanan Dan Komunikasi	Lokomotif (MRT, ETS, Komuter)
		Penerbangan (MAB Dan Syarikat Penerbangan)
		Pengangkutan Darat (Bas Dan Lori)
7	Perdagangan Borong Dan Runcit	Bakery Dalam Pasar Raya
8	Hotel Dan Restoran	Hotel (Cleaners And Launderers)
9	Kewangan, Insurans, Hartanah Dan Perkhidmatan Perniagaan	Healthcare Services (Centrel Sterile Supply Department CSSD)
		Penyelenggaraan Bangunan
		Landscape Cleaner - Leaf Blower
		Pest Control
10	Perkhidmatan Awam Dan Pihak Berkuasa Berkawan	Healthcare Services (Centrel Sterile Supply Department CSSD)
		Pusat Latihan Polis (Lapang Sasar)

## PENGUATKUASAAN ERGONOMIK

### GRED PEMATUHAN, ISU & PERMASALAHAN PENGUATKUASAAN ERGONOMIK TAHUN 2021

#### Penguatkuasaan Ergonomik

##### P1 (Kategori 1)

- a) Tempat kerja yang terdapat kes OMSD
- b) Tempat kerja yang belum dijalankan penguatkuasaan ergonomic

##### P2 (Kategori 2)

- a) Tempat kerja yang mendapat Gred D & E pada penguatkuasaan sebelumnya
- b) Tempat kerja yang belum dijalankan penguatkuasaan ergonomic

##### P3 (Surat Arahan)


- a) Terdapat ketidakpatuhan perundangan bersifat pentadbiran


##### P4 (Notis)

- a) Terdapat ketidakpatuhan perundangan bersifat boleh mendarangkan bahaya atau bahaya serta merta (bersifat risk-based)

##### P5 (Pendakwaan)

- a) Tempat kerja tidak mematuhi notis atau surat arahan dalam tempoh ditetapkan.





## PENGUATKUASAAN RUANG TERKURUNG

### Statistik Kemalangan Bekerja Di Ruang Terkurung

#### MAUT

35 kematian yang terkumpul sejak dari 2016 hingga 2021

#### NEGERI

Negeri Selangor mencatat jumlah kes maut tertinggi iaitu 9 kes

#### SEKTOR

10 kes daripada sektor pembinaan

#### LOKASI


11 kes kemalangan berlaku di lurang

#### WARGANEGARA

Indonesia merupakan jumlah kematian yang tertinggi (12 orang)

#### AKTIVITI

Pemasangan / Pembinaan merupakan aktiviti kerja yang tertinggi iaitu 6 kes




## SOHELP Diy

### Keberhasilan SOHELP Fasa 1, 2 & 3

- ✓ Perlaksanaan SOHELP perlu diteruskan seiring dengan **Pelan Induk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025**.
- ✓ Menambah kebolehpasaran peluang pekerjaan kepada pengamal-pengamal KKP yang baru terlibat dalam program ini.
- ✓ Tempat kerja yang bertambah dalam program ini, hasilnya secara langsung dapat menurunkan kadar penyakit pekerjaan di tempat kerja seluruh Malaysia.
- ✓ Sentiasa menjalankan hubungan baik diantara pihak Jabatan, Majikan dan Pekerja di Malaysia seperti Konvensyen SOHELP Kebangsaan.




## SOHELP DIY




## PENCAPAIAN TERKINI SOHELP DIY 2021


**Pencapaian Verifikasi Keseluruhan**




**Aras Pencapaian Elemen Ergonomik**



**Aras Pencapaian Elemen Kimia**



**Aras Pencapaian Elemen Bising**





SABAH 36/30

SARAWAK 23/30

PERLIS 11/10

KELANTAN 12/10

WP LABUAN 11/10

Bilangan Penyertaan 453 Tempat Kerja

## PENGUATKUASAAN KAWALAN HAZARD

### Statistik KPD 2021

	TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021	JUMLAH KPD
PRODUCT MODEL	PELINDUNG KAKI	12	630	161	303	116	1222
	PELINDUNG KEPALA	0	45	3	1	35	84
	PELINDUNG BADAN	68	67	7	6	33	181
	PELINDUNG PERNAFASAN	8	0	0	13	108	129
	PELINDUNG TANGAN	0	0	0	3	8	11
	PELINDUNG MATA	0	0	0	1	3	4
	PELINDUNG PENDENGARAN	0	0	0	0	23	23
JUMLAH KPD		88	742	171	327	326	1654

**Senarai Pusat Ujian Audiometrik Mengikut Negeri Untuk Tahun 2021**

No.	Negeri	Jumlah
1	Johor	48
2	Kedah	13
3	Kelantan	6
4	Melaka	16
5	Negeri Sembilan	17
6	Pahang	27
7	Perak	18
8	Perlis	4
9	Pulau Pinang	33
10	Sabah	11
11	Sarawak	23
12	Selangor	61
13	Terengganu	13
14	WP Kuala Lumpur	25
15	WP Labuan	4



**Kelulusan Proses Pembagasan Pasir Mengikut Negeri Untuk Tahun 2021**

No.	Negeri	Jumlah
1	Johor	14
2	Melaka	7
3	Negeri sembilan	23
4	Pahang	5
5	Perak	3
6	Pulau pinang	3
7	Sabah	4
8	Sarawak	22
9	Selangor	19
10	Terengganu	44
11	WP Labuan	5
12	WP kuala lumpur	3

**Kelulusan Pembagasan Pasir Mengikut Kategori Untuk Tahun 2021**

No.	Negeri	Jumlah
1	Kekal	12
2	Sementara	140

### PUSAT PENGAJAR ERGONOMIK ETP (Initial & Advanced)



Statistik Pusat Pengajar dan ETP

### Jumlah OYK NRA sehingga 2021


Perkara	Bil
Aktif	83
Tak Aktif	133
Jumlah NRA	216

### Statistik OYK NRA Mengikut Negeri Sehingga 2021

No.	Negeri	Bil	Aktif	Tak Aktif
1	Johor	19	11	8
2	Kedah	1	0	1
3	Kelantan	2	1	1
4	Melaka	7	1	6
5	N. Sembilan	3	0	3
6	Pahang	8	7	1
7	Penang	22	16	6
8	Perak	6	5	1

9	Perlis	0	0	0
10	Sabah	15	9	6
11	Sarawak	15	6	9
12	Selangor	48	20	28
13	Terengganu	5	1	4
14	Kuala Lumpur	14	6	8
15	Labuan	0	0	0
16	Putrajaya	0	0	0

### Pusat Pengajar Ruang Terkurung Mengikut Negeri 2021



## PENGUATKUASAAN PENGURUSAN KIMIA

### Ringkasan Laporan Operasi Peraturan USECHH Tahun 2021

01

#### FOKUS OPERASI

##### SEKTOR

- a) Perkhidmatan perniagaan - Hospital Swasta.
- b) Makmal Kimia - Awan & swasta ( termasuk makmal di IPTA & IPTS).
- c) Pembuatan (SME) :
  - i) percetakan
  - ii) pengeluar bahan kimia.
  - iii) elektrik dan Elektronik.

02

#### BILANGAN TEMPAT KERJA

Operasi ini melibatkan **603** tempat kerja di seluruh negara.

**603 TEMPAT KERJA**

03


#### KEPUTUSAN OPERASI


##### Tahap Pematuhan Keseluruhan

Kategori Memuaskan  
(A,B&C)  
**67%** (404 Tempat Kerja)

Kategori Tidak Memuaskan  
(D&E)  
**33%** (109 Tempat Kerja)

##### Tahap Pematuhan Berdasarkan Negeri



**Tahap Pematuhan Elemen (%)**

Disediakan oleh :  
Unit Kawalan Kimia,  
Bahagian Pengurusan Kimia  
Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia

**Tindakan Punitif Negeri**

167

Negeri	Bil. Surat Arahan Dikeluarkan	Bil. Notis Dikeluarkan (NOI/NOP)	Jumlah Tindakan Punitif
Perlis	2	0	2
Kedah	11	0	11
Pulau Pinang	9	0	9
Perak	33	6	39
Selangor	15	8	23
Wpkl	4	6	10
N. Sembilan	4	0	4
Melaka	5	0	5
Johor	0	0	0
Terengganu	40	0	40
Pahang	0	2	2
Kelantan	0	0	0
Sabah	1	0	1
Sarawak	4	0	4
Labuan	8	9	17
Jumlah	136	31	167

## Ringkasan Laporan Operasi Peraturan CLASS Tahun 2021 Jan-Oktoper 2020 (sumber :MyKKP)

**01****FOKUS OPERASI**

Fokus operasi tahun 2021 adalah kepada pembekal utama bahan kimia dan berdasarkan kepada 5 elemen berikut

- Penjelasan
- Pembungkusan
- Pelabelan
- Helaian Data Keselamatan
- Inventori

**02****BILANGAN TEMPAT KERJA**


Operasi ini melibatkan 149 pembekal bahan kimia di seluruh negeri.

**149 PEMBEKAL****03****KEPUTUSAN OPERASI****Tahap Pematuhan Keseluruhan**

**Kategori Memuaskan (A,B&C)**  
**83% (124 Pembekal)**

**Kategori Tidak Memuaskan (D&E)**  
**17% (25 Pembekal)**

### Tahap Pematuhan Berdasarkan Negeri



ELEMEN	A (%)	B (%)	C (%)	D (%)	E (%)	JUMLAH (%)
penjelasan	63%	5%	9%	1%	22%	100%
bungkusan	94%	1%	2%	1%	2%	100%
pelabelan	75%	9%	7%	2%	7%	100%
helaian data keselamatan (SDS)	74%	10%	5%	3%	7%	100%
inventori	79%	2%	5%	1%	14%	100%

Disediakan Oleh :


Unit Pengelasan Dan Komunikasi Hazard,

Bahagian Pengurusan Kimia,


Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia


Mengikut Peraturan 14, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya) 2013 atau Peraturan CLASS 2013 telah menetapkan keperluan pembekal utama untuk mengemukakan inventori bahan kimia berbahaya kepada Jabatan yang terdiri daripada maklumat mengenai setiap bahan kimia berbahaya yang diimport atau dibekalkan dalam kuantiti sebanyak satu (1) tan metrik dan lebih setahun bagi setiap tahun kalender. Inventori bahan kimia berbahaya tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada 31 Mac tahun yang berikutnya. Justeru, tujuan utama CIMS dibangunkan adalah bagi membolehkan penghantaran inventori bahan kimia berbahaya dibuat secara atas talian. Hal ini memberikan impak positif kepada industri terutama dari segi penjimatan kos dan masa yang digunakan bagi menyempurnakan tanggungjawab pengemukaan inventori bahan kimia berbahaya

Bagi tahun 2020, sebanyak 579 akaun pengimport, 392 akaun pengilang, dan 468 akaun pengimport & pengilang direkodkan di dalam CIMS dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,439 akaun. Terdapat peningkatan terhadap bilangan akaun secara keseluruhan berbanding tahun 2019. Rujuk Rajah 1 untuk maklumat lanjut:

**Rajah 1:** Bilangan akaun CIMS mengikut negeri

Bagi tahun 2020, sebanyak 3,624 bilangan inventori diterima dan daripada jumlah itu, sebanyak 57,423 bilangan bahan kimia dikenalpasti dikemukakan kepada Jabatan melalui CIMS. Terdapat peningkatan terhadap bilangan inventori berbanding tahun 2019. Namun begitu, bilangan bahan kimia yang dikemukakan melalui CIMS menunjukkan penurunan berbanding tahun 2019. Rujuk Rajah 2 dan Rajah 3 untuk maklumat lanjut.

**Rajah 2:** Bilangan inventori mengikut negeri bagi tahun 2020

**Rajah 3:** Bilangan bahan kimia mengikut negeri bagi tahun 2020.

Beberapa agensi telah dikenalpasti mempunyai hubungkait dengan statistik yang diperolehi daripada Inventori Bahan Kimia Berbahaya bagi tahun 2020 ini. Data kuantiti bahan kimia yang diimport dan dikilangkan adalah relevan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA).

Pihak Jabatan yakin dan percaya usaha mengawal dan mengurus bahan kimia berbahaya bukanlah kerja mudah yang boleh disempurnakan dalam sekilip mata. Oleh itu, langkah-langkah yang lebih menyeluruh melibatkan pelbagai agensi perlu dirangka bagi mendepani cabaran pengurusan bahan kimia di Malaysia. Dari satu sudut yang berbeza, aktiviti mengumpul maklumat seperti yang dilaksanakan CMS akan terus diperkemas agar statistik yang ditunjukkan lebih realistik dan mencerminkan kemasukan dan penghasilan sebenar bahan kimia di Malaysia.

## **LAPORAN PEMERIKSAAN KEBANGSAAN AKTA KONVENTSYEN SENJATA KIMIA 2005**

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) merupakan salah sebuah agensi yang terlibat menguatkuasakan Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 (AKSK 2005). Saban tahun pelbagai aktiviti disusun oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan Konvensyen Senjata Kimia (PBKKSK), Kementerian Luar Negeri dan dijalankan bagi memastikan pematuhan Akta ini.

Bagi tahun 2021, sebanyak hanya enam (6) tempat kerja telah dipilih untuk dijalankan pemeriksaan kebangsaan memandangkan negara ketika itu masih dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan pandemik COVID-19. Seramai tiga (3) orang daripada 11 orang pemeriksa-pemeriksa kebangsaan yang dilantik daripada JKKP telah terlibat dengan beberapa pemeriksaan kebangsaan yang telah diatur. Pemeriksaan tersebut dijalankan secara berkumpulan bersama-sama dengan pemeriksa-pemeriksa kebangsaan daripada agensi-agensi yang lain.

BIL.	TARIKH	TEMPAT KERJA	PEMERIKSA	JABATAN/ AGENSI
1	21 OKTOBER 2021	IDEMITSU SM (MALAYSIA) SDN. BHD. PLO 408, JALAN PEKELILING, 81700 PASIR GUDANG, JOHOR	MOHD NORHISYAM OMAR (KETUA)	PBKSK
			NOOR HAFIZIE BIN SULKAFLE	JKKP
			ZAWIYAH BINTI ZAINAL ABDIN	JABATAN KIMIA
			NURHAYATI BINTI KAMYON	JABATAN PERTANIAN
2	21 OKTOBER 2021	PETRONAS FERTILIZER (KEDAH) SDN. BHD. KM 3, JALAN JENIANG PO BOX 22 08300 GURUN, KEDAH	DR RAJA SUBRAMANIAM (KETUA)	PBKSK
			NAZLI BIN MAT ARIS	JABATAN PERTANIAN
			MOHD EIRWAN BIN HUSSIN	BOMBA
			VIJAYAN MARIMUTHU	BOMBA
			IR. MOHD SAIFUL BIN IDRIS	JKKP
3	27 OKTOBER 2021	MALAYAN ADHESIVES & CHEMICALS SDN. BHD NO. 9, JALAN UTAS 15/7, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR	THAVASELVAN A/L SUPERAMANIAM (KETUA)	JKKP
			FARAH AD-DIN BINTI NORDIN	JABATAN KIMIA
			WAN AHMAD MUKHRIZ BIN WAN MOHAMED DUMIRI	BOMBA
			ZULKHAIRANI BIN RAMLI	BOMBA

Pemeriksaan yang dijalankan adalah bertujuan untuk:

- Menguatkuasakan Seksyen 21, 36 dan 37 AKta Konvensyen Senjata Kimia 2005.
- Menjalankan verifikasi pengeluaran bahan kimia organik diskret secara sintesis.
- Menjalankan pemeriksaan ke atas loji kemudahan rejim bahan kimia organik diskret.
- Menjalankan verifikasi amaun tahunan mengenai aktiviti dalam tahun kalendar terdahulu yang diisytiharkan.
- Menyemak dokumen dan daftar berkaitan dengan operasi kemudahan bahan kimia organik diskret.
- Menjalankan verifikasi ketidakwujudan bahan kimia berjadual terutamanya Jadual 1.

Antara aktiviti yang dijalankan semasa lawatan tersebut adalah menyemak maklumat log inventori, melakukan verifikasi ke atas deklarasi borang KSK9 yang dihantar pada tahun 2020, menyemak kuantiti deklarasi, menyemak senarai daftar bahan kimia dan lain-lain perkara dokumentasi yang berkaitan. Selain itu, pemeriksaan fizikal loji dan fasiliti turut dijalankan seperti yang ditetapkan oleh pihak Organisation for the Prohibition of Chemical Weapons (OPCW).

Jabatan berharap penglibatan aktif pemeriksa-pemeriksa kebangsaan daripada JKJP dalam pemeriksaan kebangsaan bagi tahun 2021 ini dapat sama-sama membantu PBKSK dalam menguatkuasakan AKSK 2005 di Malaysia.



### PROGRAM COMPLIANCE SUPPORT CHRA DAN SIRAC BAGI AHLI-AHLI MALAYSIAN RUBBER PRODUCTS MANUFACTURER'S ASSOCIATION (MRPMA) DARIPADA SEKTOR INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

"Program Compliance Support CHRA dan SiRAC Bagi Ahli-Ahli Malaysian Rubber Products Manufacturer's Association (MRPMA) daripada Sektor Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)" telah dianjurkan Jabatan melalui Bahagian Pengurusan Kimia pada 6 Ogos 2021. Seramai 83 orang peserta menghadiri program ini. Program ini berlangsung secara dalam talian. Program ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Pekerjaan).

Menerusi program ini, secara keseluruhannya dapat meningkatkan kesedaran betapa pentingnya penaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan dilaksanakan terlebih dahulu oleh pihak majikan sebelum sesuatu bahan kimia berbahaya kepada kesihatan digunakan di tempat kerja. Secara tidak langsung, kefahaman berkenaan Peraturan 9, Peraturan USECHH 2000 di kalangan pemain industri daripada sektor IKS dapat ditingkatkan dan sekaligus dapat meningkatkan tahap pematuhan KKP dalam pengurusan bahan kimia berbahaya di tempat kerja. Jalinan kerjasama ini dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.



Paparan Skrin Secara Dalam Talian



**Program Compliance Support CHRA dan SiRAC Bagi Ahli-Ahli Malaysian Rubber Products Manufacturer's Association (MRPMA) daripada Sektor Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)"**



**Program Compliance Support CHRA dan SIRAC Bagi Ahli-Ahli Malaysian Rubber Products Manufacturer's Association (MRPMA) daripada Sektor Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)"**

## **SESI DIALOG BERSAMA INDUSTRI BERKENAAN PENGEELASAN KARBON HITAM**

Karbon hitam ialah unsur karbon tulen dalam bentuk zarah koloid yang dihasilkan oleh pembakaran tidak lengkap atau penguraian termal hidrokarbon cecair gas dengan nombor CAS: 1333-86-4. Sifat fizikal karbon hitam ialah berbentuk palet atau serbuk hitam halus.

Karbon hitam banyak digunakan sebagai sebatian dalam industri terutamanya dalam pembuatan tayar dan produk getah yang lain. Sejak tahun 2016 terdapat isu pengelasan karbon hitam oleh para pembekal-pembekal di Malaysia. Pembekal-pembekal karbon hitam ini didapati tidak konsisten dalam membuat pengelasan dalam helaian data keselamatan (SDS) semasa Jabatan membuat penguatkuasaan Peraturan CLASS 2013 dan Peraturan USECHH 2000 di seluruh Malaysia.

Karbon hitam juga merupakan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan sejak tahun 2000 sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual 1 Peraturan USECHH 2000 dengan had pendedahan yang dibenarkan dalam mana-mana giliran kerja lapan jam bagi suatu minggu kerja tidak melebihi  $3.5 \text{ mg/m}^3$  kepekatan di udara purata berpemberat lapan jam.

Sesi Dialog Berkennaan Pengelasan Karbon Hitam ini diadakan untuk menyelesaikan kemelut dan kemaslahatan serta memberi penerangan berkennaan pengelasan karbon hitam oleh para pembekal karbon hitam berkennaan hazard fizikal swapanas (*self-heating*) dan hazard kesihatan karsinogen Kategori 2 bahan kimia tersebut di samping tidak menolak peruntukan undang-undang sedia ada.

Platform dialog ini diusahakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKJP Malaysia) melalui Bahagian Pengurusan Kimia adalah untuk mengharmonikan dan meningkatkan pematuhan pihak industri terhadap peruntukan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya) 2013.

Ketua Pengarah telah memberi kata-kata aluan sebagai pembuka majlis sesi dialog ini dan diikuti dengan sesi taklimat oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Kimia yang bertajuk Kriteria Pengelasan Karbon Hitam (Swapanas 1). Sebelum sesi dialog dimulakan, program diteruskan dengan menjemput para Toxicologist iaitu ahli jawatankuasa teknikal CLASS untuk memberi pandangan berkenaan karbon hitam ini. Sesi dialog ini berlangsung secara dalam talian selama 2 jam (2.30 petang hingga 4.30 petang) pada 25 Mei 2021 dengan menggunakan aplikasi Zoom. Sesi dialog ini dihadiri oleh 16 orang yang terdiri daripada tujuh orang Toxicologist dan sembilan orang daripada agensi Lembaga Getah Malaysia (LGM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Malaysian Rubber Products Manufacturer's Association (MRPMA).



25 Mei 2021 Sesi Dialog Bersama Industri Berkenaan Pengelasan Bahan Kimia Karbon Hitam  
16 Peserta  
Sesi Dialog Bersama Industri Berkenaan Pengelasan Karbon Hitam

## MAJLIS PELANCARAN DAN PROGRAM HEBAHAN SiRAC ONLINE

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKJP) Malaysia telah mengambil inisiatif mengeluarkan "Manual on Simple Risk Assessment and Control for Chemicals (SiRAC)" bagi memudahkan penaksiran dijalankan mengikut pendekatan Control Banding yang bertujuan untuk mencadangkan kawalan yang mudah bagi semua industri terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS) yang pada kebiasaannya tidak mempunyai kepakaran dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

SiRAC online telah diperkenalkan bagi memudah-cara pihak majikan, penaksir risiko kimia (pengapit) dan orang terlatih SiRAC melaksanakan penaksiran ringkas menggunakan kaedah SiRAC seperti yang ditetapkan Jabatan sebagaimana ketetapan dalam "Manual on Simple Risk Assessment and Control for Chemicals (SiRAC)". Sistem SiRAC Online tersebut boleh digunakan atau diakses secara atas talian mulai 21 April 2021.

## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

JKKP Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Kimia telah menganjurkan Program Hebahan SiRAC Online separuh hari di beberapa zon seluruh negara secara telesidang seperti berikut:

Bil.	Zon	Tarikh Hebahan	Jumlah Kehadiran Peserta
1.	<b>Zon Utara</b> (Pulau Pinang, Perak, Kedah, Perlis)	11 Ogos 2021	150
2.	<b>Zon Borneo</b> (Sabah, Sarawak, WP Labuan)	30 Ogos 2021	143
3.	<b>Majlis Pelancaran</b> (Johor, WP KL, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kelantan, Pahang, Terengganu) <b>Dirasmikan oleh YBrs. Ir Zailee bin Dollah (Ketua Pengarah JKKP Malaysia)</b>	2 September 2021	537

Majlis pelancaran dan program hebahan SiRAC Online yang dijalankan ini dapat memberi manfaat dan faedah seperti berikut:

- i. Memberi pendedahan kepada pengapit dan *trained person* tentang sistem SiRAC Online yang telah dibangunkan;
- ii. Meningkatkan kesedaran di kalangan majikan dan pengapit untuk menggunakan sistem SiRAC Online;
- iii. Membolehkan Jabatan mengumpulkan maklumat kawalan yang proaktif digunakan majikan bagi sesetengah bahan kimia dan analisa dapat dibuat secara dinamik; dan
- iv. Membolehkan Jabatan mengumpul maklum balas daripada majikan, pengapit dan *trained person* yang menggunakan sistem SiRAC Online untuk tujuan penambahbaikan sistem.

Penceramah bagi program ini adalah terdiri daripada Pengarah, dan pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Kimia. Program hebahan ini telah dihadiri oleh pengapit, Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH – Coordinator), Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) dan pegawai JKKP Negeri.




Peserta Program Hebahani SiRAC Online Zon Utara



Perasmian Program Hebahan SiRAC Online Zon  
Borneo oleh Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria,  
Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Pekerjaan)  
JKKP Malaysia

## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021



Peserta Program Hebahan SiRAC Online Zon Borneo



Peserta Majlis Pelancaran SiRAC Online

Sesi Dialog Bersama Penceramah

### **PENGUKURAN PENGUDARAAN DAN KUALITI UDARA DALAMAN DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DI BAWAH COVID-19 IMMUNISATION TASK FORCE KEBANGSAAN (CITF)**

Bahagian Pengurusan Kimia, JKJP Malaysia telah menjalankan pengukuran pengudaraan dan kualiti udara dalaman di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di bawah COVID-19 Immunisation Task Force Kebangsaan (CITF) yang telah dijalankan pada 26 hingga 29 Julai 2021 seperti jadual berikut:

Bil	PPV	Tarikh
1.	Stadium Axiata Arena Bukit Jalil	26 Julai 2021
2.	Universiti Malaya (UM)	26 Julai 2021
3.	Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA	27 Julai 2021
4.	Stadium Nasional Bukit Jalil	28 Julai 2021
5.	Bangi Avenue Convention Centre	29 Julai 2021
6.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	29 Julai 2021

Parameter yang diukur adalah seperti berikut (Had boleh terima merujuk Kepada ICOP IAQ 2010):

- i. Karbon dioksida, CO<sub>2</sub> (C1000 ppm)
- ii. Karbon monoksida, CO (10 ppm)
- iii. Suhu (23-26°C)
- iv. Kelembapan Relatif (40-70% RH)
- v. Jumlah sebatian organik meruap, TVOC (3 ppm)
- vi. Zarah Ternafaskan (0.15 mg/m<sup>3</sup>)

Pengukuran tahap kepekatan CO<sub>2</sub> di udara dijadikan asas kepada kecukupan pengudaraan yang dilengkapi oleh sistem MVAC atau unit pisah. Dalam tempoh pandemik ini, disarankan agar paras CO<sub>2</sub> dapat dikekalkan dibawah 800ppm walaupun siling limit dalam ICOP IAQ 2010 menyatakan siling pada mana-mana masa adalah 1000ppm. Bacaan pengukuran CO<sub>2</sub> yang diperolehi bagi semua PPV yang dilawati adalah berdasarkan kepada jumlah penerima vaksin dan petugas semasa pengukuran tersebut. Paras CO<sub>2</sub> mungkin akan lebih tinggi sekiranya terdapat penerima vaksin yang ramai pada satu-satu masa dan PPV perlu meningkatkan kadar pengudaraan bagi memastikan kandungan CO<sub>2</sub> dapat dikekalkan dibawah 800ppm.

#### **GAMBAR-GAMBAR SEMASA PENGUKURAN PENGUDARAAN DAN KUALITI UDARA DALAMAN DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DIBAWAH CITF**



Pengukuran di PPV Stadium National Bukit Jalil



Pengukuran di PPV Axiata Arena, Bukit Jalil



Pengukuran di PPV Bangi Avenue Convention Centre




Pengukuran di PPV Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA

## PENGUATKUASAAN KESIHATAN PEKERJAAN


Bahagian Kesihatan Pekerjaan berperanan menguatkuaskan peruntukan perundangan berkaitan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia. Selain penguatkuasaan, promosi kesihatan di kalangan majikan dan para pekerja juga merupakan teras penting bagi menggalakkan amalan kerja yang sihat dan seterusnya menghasilkan tempat kerja yang sihat serta bebas daripada penyakit pekerjaan.

Tahun	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Sasaran	Baseline	9,654	10,201	10,747	11,294	11,840
Pencapaian	9,108	9,822	-	-	-	-
Peratus	-	7.8%	-	-	-	-


Sasaran OSHMP 2025: Peningkatan Pelaporan Penyakit dan Keracunan Pekerjaan sebanyak 30%



Bilangan Pelaporan yang diterima JKPP



Bilangan Pelaporan Penyakit Pekerjaan yang diterima dan telah disiasat




Pelaporan Penyakit dan Keracunan Pekerjaan Mengikut Jenis Penyakit Pekerjaan Bagi Tahun 2021

## Pelaporan Penyakit dan Keracunan Pekerjaan Bagi Tahun 2021

**Status**  
kes yang dilaporkan  
kes yang telah disiasat  
kes penyakit pekerjaan

**Bilangan**  
9822  
6474  
4476



Pelaporan Penyakit Pekerjaan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2021

**Jumlah  
Keseluruhan Kes  
Penyakit Pekerjaan  
Bagi Tahun 2021**

**Kes Yang Disiasat :** **6,474**


**Kes Yang  
Dilaporkan:** **9,822**

**Peratusan Kes  
Disiasat:** **65.9%**

**Kes Penyakit Dan Keracunan Pekerjaan Mengikut Kewarganegaraan  
Bagi Tahun 2021**



**Malaysia**  
3558 kes (79.5%)



**Nepal**  
315 kes (7.0%)



**Bangladesh**  
179 kes (4.4%)




**Myanmar**  
214 kes (4.8%)




**Indonesia**  
136 kes (3.0%)

**Kes Penyakit Dan Keracunan Pekerjaan Mengikut Kewarganegaraan  
Bagi Tahun 2021**


Jantina	Bilangan	%
Lelaki	3267	73
Perempuan	1209	27
Jumlah	4476	100.0



**STATISTIK PENYAKIT DAN KERACUNAN PEKERJAAN  
MENGIKUT UMUR PEKERJA**




	Pengilang	Kuari Lombok	Pembinaan	Perladang	Kemudahan	Pengangkutan	Borong & Runcit	Hotel Dan Restoran	Perkhidmatan Kewangan	Perkhidmatan Awam
Penyakit Paru-Paru Pekerjaan	1	0	1	0	0	0	0	0	1	7
Penyakit Kulit Pekerjaan	11	0	0	3	0	0	1	0	0	13
Penyakit Pendengaran Akibat Bunyi Bising Pekerjaan	2536	39	2	109	55	146	0	0	17	2
Penyakit Muskuloskeletal Pekerjaan	103	0	0	2	11	3	0	3	24	10
Keracunan Pekerjaan	29	0	0	2	0	0	0	0	0	4
Penyakit Disebabkan Agen Fisikal	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0
Penyakit Disebabkan Agen Biologi	0	0	0	2	6	0	0	0	83	1248
Kanser Pekerjaan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Masalah Psikososial	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Lain-Lain Penyakit Pekerjaan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
<b>Jumlah</b>	<b>2080</b>	<b>39</b>	<b>3</b>	<b>118</b>	<b>73</b>	<b>149</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>125</b>	<b>1285</b>




Sumber Pelaporan	Bilangan	%
Employers	971	21.7%
OHD	1536	34.3%
SHO	700	15.6%
MO (Civil Service)	1145	25.6%
SOCSO	89	2.0%
Other MO (GP/Private sector)	12	0.3%
OH/EH Specialists	1	0.0%
Other Specialists	22	0.5%
<b>Total</b>	<b>4476</b>	<b>100.0</b>


## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021



Laporan Pengawasan Perubatan Mengikut Negeri




Laporan Pengawasan Perubatan Mengikut Sektor Industri




## COMMON CHEMICALS REPORTED 2021

Negeri	MRP (bilangan pekerja)
<b>Perak</b>	25
<b>Kedah</b>	26
<b>Pulau Pinang</b>	44
<b>Selangor</b>	4
<b>Negeri Sembilan</b>	2
<b>Johor</b>	10
<b>Pahang</b>	34
<b>Sarawak</b>	7
<b>Terengganu</b>	24
<b>Sabah</b>	13
<b>Jumlah</b>	189


Perlindungan Pemindahan Perubatan 2021




Siasatan Perlindungan Pemindahan Perubatan




### BILANGAN PENDAFTARAN BARU DAN PEMBAHARUAN



### PUNCA PEMBATALAN PEMOHONAN PENDAFTARAN DOKTOR KESIHATAN PEKERJAAN



### PUNCA PEMBATALAN PEMOHONAN PEMBAHARUAN DOKTOR KESIHATAN PEKERJAAN



## PENGUATKUASAAN RISIKO KHAS BAHAGIAN KESELAMATAN PETROLEUM (PETROLEUM SAFETY DIVISION – PSD)

### PENGUATKUASAAN

Bahagian Keselamatan Petroleum (PSD) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 di mana PSD berperanan sebagai peneraju dan perintis penguatkuasaan berkaitan keselamatan petroleum secara keseluruhan.

Terdapat 7 seksyen di bawah PSD iaitu Seksyen CIMAH, Seksyen Aset Integriti, Seksyen Luar Pantai, Seksyen Pengangkutan Petroleum, Seksyen Penstoran & Kendalian Bahan Petroleum, Seksyen Verifikasi Rekabentuk, Pensijilan & Pengiktirafan serta Seksyen Siasatan & Pendakwaan.

Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan secara tidak langsung membolehkan pengumpulan maklumat diperolehi untuk tujuan pembangunan sesuatu perundangan seperti peraturan dan tatamalan industri berkaitan keselamatan petroleum. Ianya dapat dijalankan dengan mengambil kira risiko dan langkah-langkah pencegahan bahaya yang mungkin akan berlaku.

Aktiviti-aktiviti Bahagian PSD yang dijalankan termasuk:

- Memproses kelulusan peralatan petroleum.
- Pendaftaran, pembaharuan dan pemantauan Firma Yang Kompeten (FYK) iaitu pendaftaran syarikat kontraktor petroleum, pembuat, pemberkualih dan pelayak semula (Reconditioning & Requalification (RCRQ)) silinder gas petroleum cecair (GPC).
- Menyemak dan memproses permohonan kebenaran memasang (Permission to Install (PTI)), kebenaran mengendali (Permission to Operate (PTO)) talian paip petroleum, menyemak dan memproses permohonan kerja-kerja berkaitan talian paip dan sistem simpanan pukal.
- Menjalankan ujian hidrostatik ke atas sistem talian paip petroleum.
- Menjalankan audit dan pemeriksaan terhadap pengurusan keselamatan talian paip dan mengeluarkan surat ulasan juga arahan penambahbaikan.
- Menjalankan audit dan pemeriksaan keselamatan dan kesihatan sistem paip simpanan pukal bersama pegawai JKKP Negeri dan mengeluarkan surat ulasan serta arahan penambahbaikan.
- Memastikan rekabentuk, pemasangan dan pengendalian bahan petroleum yang diangkut melalui air mematuhi tahap & spesifikasi minima keselamatan yang ditetapkan.
- Menjalankan audit pengiktirafan syarikat pengangkutan petroleum.
- Memproses dan melakukan pemeriksaan terhadap lanjutan atau pengecualian sijil berperakuan kelayakan (Certificate of Fitness (CF)).
- Audit Skim SSI (Special Scheme of Inspection) bagi permohonan baru & Audit Pembaharuan CF SSI selepas tempoh 75 Bulan.


- Menjalankan audit Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan serta Sistem Pengurusan Peraturan Kendiri Luar Pantai (Offshore Self-Regulation Management System (OSR-MS)) di fasiliti luar pantai.

Selain itu juga, Bahagian Keselamatan Petroleum (PSD) merupakan Koordinator Ibu Pejabat (KIP) yang membuat pemantauan ke atas semua aktiviti Seksyen Risiko Khas (SRK) di semua pejabat JKJP Negeri di seluruh Malaysia. Antara aktiviti-aktiviti SRK Negeri adalah:

- Menjalankan pemeriksaan pertama dan menyaksikan ujian hidrostatik/pneumatic talian paip produk petroleum.
- Mengeluarkan surat kebenaran mengendali (Permission to Operate (PTO)) untuk sistem perpaipan retikulasi bagi produk gas asli dan gas petroleum cecair (GPC).
- Menjalankan pemutihan talian paip dan sistem perpaipan retikulasi yang tiada kebenaran mengendali.
- Memproses permohonan lanjutan CF dan pemeriksaan berdasarkan risiko (Risk Based Inspection (RBI)) bagi jentera Skim Pemeriksaan Khas.
- Melakukan pemeriksaan ke atas tempat penyimpanan produk petroleum seperti stesen minyak dan depot/terminal.
- Siasatan dan pendakwaan di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 dan Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984.

Berikut merupakan pencapaian keseluruhan SRK Negeri-Negeri pada tahun 2021.

#### PENCAPAIAN SKT SRK NEGERI SEHINGGA DIS 2021



Rajah 1: Pencapaian Keseluruhan SRK Negeri-Negeri Tahun 2021

Sepanjang tahun 2021, mesyuarat pegawai-pegawai SRK Negeri bersama Bahagian Keselamatan Petroleum telah diadakan sebanyak tiga (3) kali iaitu seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tarikh & Tempat
1.	Mesyuarat SRK bersama PSD Bil.1/2021	23 Feb 2021 Secara Maya
2.	Mesyuarat SRK bersama PSD Bil.2/2021	7 Julai 2021 Secara Maya
3.	Mesyuarat SRK bersama PSD Bil.3/2021	23 Nov 2021 Secara Maya

**Jadual 1:** Mesyuarat Pegawai-Pegawai SRK Negeri Bersama

### **Bahagian Keselamatan Petroleum Tahun 2021**

Bahagian ini juga menjalankan pendaftaran dan pembaharuan terhadap Orang Kompeten Major Hazard (OKMH). Ini adalah berdasarkan Peraturan 13 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996. Peranan OKMH ini ialah memberi khidmat nasihat kepada pengilang dalam kawalan bahaya besar dalam bidang-bidang berikut:

- Dalam penyediaan laporan bertulis (laporan baru) yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam Jadual 6 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 untuk dihantar kepada Ketua Pengarah.
- Dalam penyediaan laporan lanjutan bertulis (laporan pengubahsuaian) yang mengambil kira pengubahsuaian kepada aktiviti industri untuk dihantar kepada Ketua Pengarah JKKP.
- Dalam penyediaan laporan lanjutan bertulis (laporan kemaskini) yang mengambil kira terutamanya pengetahuan teknikal baru yang ketara yang memberi kesan kepada butiran dalam laporan yang terdahulu yang berkaitan dengan keselamatan dan pemajuan dalam pengetahuan mengenai penilaian bahaya untuk dihantar kepada Ketua Pengarah JKPP.
- Dalam penyediaan pelan kecemasan tapak yang mencukupi yang memperincikan cara menangani kemalangan besar di tapak untuk dihantar kepada Ketua Pengarah JKPP.

### **Jumlah terkini OKMH sehingga Disember 2021 adalah seramai 31 orang.**

Bahagian ini juga memproses permohonan untuk Skim Pemeriksaan Khas mengikut peruntukan Peraturan SSI sedia ada dengan menilai dan meluluskan metodologi yang akan digunakan oleh organisasi yang memohon untuk Skim Pemeriksaan Khas. Selepas itu Bahagian akan menjalankan pemeriksaan dan audit SSI sebelum memperbaharui sijil perakuan kelayakan mengikut tempoh tertentu.

Berikut merupakan pencapaian keseluruhan Peraturan SSI (RBI) dari tahun 2014 sehingga tahun 2021.

### PENCAPAIAN KESELURUHAN PERATURAN SSI (RBI) 2014-2021



**Rajah 2:** Pencapaian Keseluruhan Peraturan SSI (RBI) Dari Tahun 2014 Sehingga Tahun 2021

### AKTIVITI BAHAGIAN

- Menyaksikan ujian hidrostatik talian paip darat petroleum untuk Projek PGU-1 Gas Pipeline Replacement Project (GRAPHITE).



- Verifikasi Pemasangan Sistem Satelit Untuk Projek Regas Liquefied Natural Gas (LNG).



3. Menyaksikan kemajuan kerja-kerja untuk projek KLIA Pipeline Project (KLIPP).



4. Pemeriksaan ke atas tempat penyimpanan produk petroleum di terminal petroleum.



5. Pemeriksaan ke atas loji pengisian Gas Petroleum Cecair (GPC) oleh pegawai SRK Negeri dan PSD.



6. Pemeriksaan ke atas tempat penyimpanan produk petroleum di stesen minyak.



7. Menyaksikan ujian hidrostatik talian paip petroleum bagi Projek Pembangunan Medan Pegaga, Luar Pantai Sarawak.



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021


8. Sesi audit bagi permohonan SSI baru di Petronas Chemical Olefin Glycol Derivative (PCOGD).



9. Webinar keselamatan pengangkutan petroleum melalui darat di Malaysia secara atas talian.



Berikut ialah data keseluruhan penguatkuasaan PSD bagi tahun 2021:



**Rajah 3:** Data Keseluruhan Penguatkuasaan PSD Bagi Tahun 2021

**Taburan MHI dan NMHI Mengikut Negeri Bagi Tahun 2021**

NEGERI	MHI	NMHI	NTC
Johor	75	142	39
Kedah	19	66	8
Kelantan	4	51	9
Melaka	11	33	9
Negeri Sembilan	18	58	14
Pahang	26	120	13
Perak	31	135	30
Perlis	0	9	1
Pulau Pinang	24	50	13
Sabah	22	99	8
Sarawak	26	70	13
Selangor	100	189	72
Terengganu	26	44	6
WP Kuala Lumpur	6	31	21
WP Labuan	8	13	13
WP Putrajaya	1	0	0

## PENGUATKUASAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

### 1) Stepwise OSH Level Verification and Enhancement for Small and Medium Enterprise (SOLVE 4 SME)

Selaras dengan OSHPM 2025 dan Projek Pembangunan di Bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Jabatan telah memperkenalkan satu program yang bersistematik iaitu Verifikasi dan Peningkatkan Aras KKP Secara Berperingkat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana atau *Stepwise OSH Level Verification and Enhancement for Small and Medium Enterprise (SOLVE 4 SME)* untuk meningkatkan tahap pengurusan KKP di PKS. Program SOLVE 4 SME telah dibangunkan mengikut blue-print SOHELP di PKS. Modul ini akan digunakan oleh JKJP semasa melaksanakan program compliance support pada tahun 2021 – 2025 di 1,000 PKS yang melibatkan sebanyak 10,000 majikan dan pekerja.



Melalui SOLVE 4 SME, diharap pematuhan perundungan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di sektor PKS akan dapat ditingkatkan. Selain daripada itu, perlaksanaan program SOLVE 4 SME yang dirangka ini juga mempunyai ciri-ciri seperti berimpak tinggi, mudah dilaksanakan, menggunakan kos yang rendah dan boleh dilaksanakan di semua jenis industri PKS.



Tempat kerja yang mengambil bahagian di dalam program SOLVE 4 SME ini akan menggunakan panduan yang telah dibangunkan oleh Jawatankuasa. Pembangunan panduan ini juga melibatkan pemain industri iaitu pengamal KKP, ahli akademik dan persatuan industri agar program yang akan dilaksanakan adalah sesuai dan dapat dilaksanakan oleh industri terutamanya PKS.



**Gambar atas:** Bengkel pembangunan panduan SOLVE 4 SME bersama pengamal KKP, ahli akademik & persatuan industri

## 2) Program Hebahan dan Dialog: Penguatkuasaan Sistem Penyejuk Industri Berasaskan Ammonia Bagi Tahun 2021 Di Kilang Pembuatan Ais, Seluruh Malaysia

Pihak Jabatan melalui Bahagian Industri Kecil Sederhana dan Sektor Bukan Kilang (BIKSSBK) telah menganjurkan Program Hebahan dan Dialog Penguatkuasaan Sistem Penyejuk Industri Berasaskan Ammonia Bagi Tahun 2021 Di Kilang Pembuatan Ais Seluruh Malaysia pada 21 September 2021 secara dalam talian (Zoom Meeting). Program yang dihadiri seramai 344 orang peserta dari kalangan pihak industri dan pegawai JKKP ini bermatlamat membantu pihak industri mematuhi keperluan yang dinyatakan didalam Garis Panduan

Pengurusan Selamat Sistem Penyejuk Ammonia, 2020 atau Guidelines On Safe Management of Ammonia Refrigeration System, 2020.

Topik pembentangan yang dikongsikan bersama peserta pada program tersebut meliputi penerangan berkaitan keselamatan pengendalian ammonia dari pihak industri dan juga perkongsian berkaitan Pengurusan Keselamatan dan Pencegahan Kemalangan bagi Sistem Penyejuk Ammonia dari Bahagian Kejuruteraan Forensik JKKP Malaysia.



**Gambar atas:** Pembentangan oleh wakil dari Bahagian Kejuruteraan Forensik



**Gambar atas:** Sesi Dialog Bersama YBrs Timbalan Ketua Pengarah dan Pembentang

### 3) Program Hebahana dan Dialog Bersama Pusat Pengajar: Ke Arah Memperkasakan Peranan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Program hebahana dan dialog bersama pusat pengajar yang dijalankan pada 21 Oktober 2021 secara dalam talian (Zoom Meeting) ini bertujuan memberikan informasi terkini berkaitan dengan pindaan panduan pendaftaran pusat pengajar Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) kepada semua pusat pengajar yang telah berdaftar dan juga kepada pusat pengajar baru yang ingin memohon kelulusan dengan Jabatan. Setelah hampir tiga tahun panduan pendaftaran pusat pengajar OSH Coordinator dikeluarkan, wujud keperluan bagi panduan ini disemak semula. Ini bertujuan bagi memastikan maklumat dan syarat yang ingin disampaikan didalam panduan tersebut akan dapat disampaikan dengan lebih jelas kepada pihak pemohon. Selain daripada itu, pindaan ini juga bertujuan bagi manambahbaik modul kursus OSH Coordinator sedia ada dengan memasukkan topik Pengenalan Kepada Keselamatan Pekerjaan Berkaitan Jalanraya (WRRS). Ini bagi memastikan OSH Coordinator yang dihasilkan nanti akan dapat menasihati majikan berkaitan dengan aspek keselamatan pekerjaan berkaitan jalan raya, sekaligus mengurangkan risiko nahtas jalan raya yang melibatkan pekerja.

Program ini secara keseluruhannya telah disertai oleh seramai 104 peserta terdiri daripada wakil pusat pengajar kursus OSH Coordinator sedia ada, tenaga pengajar kursus OSH Coordinator, pihak industri, pensyarah universiti, orang kompeten/terlatih serta wakil daripada syarikat penyedia latihan yang berminat untuk menjadi pusat pengajar kursus OSH Coordinator. Pembentang bagi program ini terdiri dari pegawai JKPP sendiri dan juga wakil dari pihak PERKESO dan MIROS.



**Gambar atas:** Perasmian Program oleh YBrs Timbalan Ketua Pengarah



**Gambar atas:** Pembentangan Kertas 1 dari wakil JKJP



Gambar atas: Pembentangan Kertas 2 dari wakil PERKESO dan MIROS




Gambar atas: Sesi Dialog Bersama YBrs Timbalan Ketua Pengarah dan Pembentang

#### 4) Pemantauan OSH Coordinator


Melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 dibawah Seksyen 29A menyatakan bahawa seseorang majikan yang tempat kerjanya tidak termasuk dalam mana-mana kelas atau jenis tempat kerja sebagai mana yang disiarkan dalam warta dibawah subseksyen 29(1) hendaklah melantik salah seorang daripada pekerjanya untuk bertindak sebagai Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan jika mengambil kerja 5 atau lebih pekerja di tempat kerjanya.

Pada masa kini, pelantikan OSH Coordinator dilakukan secara sukarela oleh majikan bagi menyokong teras strategi yang dinyatakan didalam Pelan Strategik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Industri Kecil dan Sederhana 2016 – 2020 (IKS 2020). Latihan kepada OSH Coordinator ini telah mula dilaksanakan oleh JKKP untuk sektor PKS sejak tahun 2017 dimana siri bengkel latihan ini dijalankan di seluruh Malaysia melalui pejabat JKKP negeri. Sehingga tahun 2019, seramai 2,967 pekerja sektor PKS telah dilatih bagi menjadi OSH Coordinator. Dalam meningkatkan jumlah OSH Coordinator di industri, bermula dari tahun 2019, latihan OSH Coordinator ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh penyedia latihan yang berdaftar dengan JKKP. Sehingga Disember 2021, terdapat seramai 9,564 OSH Coordinator terlatih yang telah direkodkan oleh JKKP manakala sebanyak 45 penyedia latihan telah diberi kelulusan bagi mengendalikan kursus OSH Coordinator ini.

#### TABURAN PUSAT PENGAJAR OSH COORDINATOR



## SENARAI PUSAT PENGAJAR OSH COORDINATOR




## PENGUATKUASAAN SEKTOR BUKAN KILANG

### 5) Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kementerian/Jabatan dan Agensi

Sepanjang tahun 2021, Jabatan melalui Bahagian Industri Kecil Sederhana dan Sektor Bukan Kilang telah melaksanakan audit keselamatan dan kesihatan pekerjaan di 33 Kementerian dan Agensi. Punca kuasa untuk audit adalah berdasarkan kepada surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2019 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dibawah Sektor Perkhidmatan Awam & Badan Berkanun. Tujuan audit dijalankan adalah untuk mendapatkan tahap pematuhan dan memperkasa KKP di sektor awam. Hasil daripada audit tersebut adalah seperti berikut:

## TAHAP PEMATUHAN KKP (OSHWA) KEMENTERIAN DAN AGENSI SEKTOR AWAM TAHUN 2021



Hasil dari audit yang dijalankan mendapat terdapat peningkatan dalam pematuhan KKP di Kementerian dan agensi berbanding keputusan audit pada tahun 2019. Peningkatan tempat kerja yang mendapat gred B iaitu 67% (2021) berbanding 34% (2019). Manakala penurunan tempat kerja yang mendapat gred A iaitu 3% (2021) berbanding 14%(2019) dan penurunan tempat kerja yang mendapat gred C iaitu 30% (2021) berbanding 37% (2019).



**Gambar atas:** Juru audit dari JKJP bersama dengan pegawai agensi kerajaan yang berkaitan



**Gambar atas:** Pemeriksaan di tempat simpanan bahan kimia di premis kerajaan



**Gambar atas:** Penerangan dari pegawai agensi berkaitan berhubung dengan prosedur kerja selamat

#### 6) Kursus Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Awam

Bagi meningkatkan tahap pematuhan KKP di Sektor Awam, Jabatan telah berusaha untuk meningkatkan lagi bilangan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. (OSH Coordinator) di setiap kementerian dana agensi kerajaan. Kewujudan OSH Coordinator dijangka akan dapat membantu majikan dalam melaksanakan aktiviti KKP di kementerian

dan agensi masing-masing. Untuk tahun 2021 ini, Jabatan melalui BIKSSBK telah membantu beberapa kementerian untuk melaksanakan kursus OSH Coordinator. Kementerian dan agensi tersebut adalah seperti berikut:

Agensi	Tarikh
Kementerian Sumber Manusia	4/8/2021 28/10/2021
Kementerian Pendidikan Malaysia	Siri 1 : 13/09/2021 hingga 15/09/2021 Siri 2: 22/2021 hingga 25/11/2021
Polis Diraja Malaysia	Siri 1: 15/11/2021 hingga 17/11/2021 Siri 2: 16/11/2021 hingga 18/11/2021



**Gambar atas:** Kursus OSH Coordinator bersama Kementerian Pendidikan Malaysia



**Gambar atas:** Kursus OSH Coordinator bersama Polis Diraja Malaysia

## PENGUATKUASAAN FORENSIK DAN SIASATAN KES KEMALANGAN

### Penyiasatan Kes Kemalangan Tempat Kerja Dan Aduan KKP


Kemalangan dan aduan yang diterima oleh jabatan boleh dilihat sebagai kayu pengukur terhadap komitmen pihak-pihak yang tertentu dalam mematuhi perundungan dan juga kesedaran pentingnya perlaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di tempat kerja. Justeru penyiasatan kemalangan dan aduan merupakan antara fungsi utama yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan. Terdapat dua tujuan penyiasatan dilakukan, pertama untuk mengenal pasti punca agar tindakan pemberian dapat dilaksanakan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang. Kedua adalah untuk memastikan pihak-pihak yang gagal mematuhi perundungan dikenakan hukuman yang bersifat deterrent agar menjadi pengajaran kepada yang lain.

Bidang tugas yang mencabar ini, digalas oleh Seksyen Siasatan dan Pendakwaan (SSP) di setiap pejabat negeri. Bagi kemalangan berprofil tinggi yang melibatkan kehilangan nyawa, keruntuhan struktur yang mendapat liputan media atau melibatkan kepentingan orang awam, penglibatan penyiasatan forensik diperlukan khususnya berhubung dengan keperluan analisis tertentu dan ujian makmal bagi mencari dan mengenalpasti punca kemalangan. Dengan kapasiti seramai 13 kakitangan, pengoperasian BKF merentas semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Pegawai penyiasat forensik yang mempunyai latar belakang kejuruteraan dan kemahiran dalam bidang masing-masing mampu merungkai punca kemalangan dan menghasilkan laporan penyiasatan yang mempunyai kredibiliti dan kebolehpercayaan yang tinggi. Selain menjalankan penyiasatan di tempat kejadian, BKF juga dipertanggungjawab sebagai Koordinator Ibu pejabat (KIP) SSP pejabat negeri bagi menyelaras aktiviti, memudah cara dan memberi khidmat nasihat penyiasatan kepada pegawai SSP negeri.

### Penyiasatan Kejuruteraan Forensik

BKF sentiasa memastikan penyiasatan forensik dapat dimulakan dalam tempoh 36 jam selepas menerima pemberitahuan daripada pejabat JKPP negeri dan pada tahun 2021 semua kes yang diterima telah dimulakan penyiasatan dalam tempoh tersebut.. Sepanjang tahun 2021 , BKF telah menyiasat sebanyak 25 kes kemalangan dan daripada jumlah tersebut 36% kes runtuh struktur, 32% adalah berkaitan mesin angkat, 16% kegagalan lain-lain jentera/mesin dan 16% letupan/kebakaran. Terdapat beberapa kes kemalangan berprofil tinggi yang menggemparkan orang ramai yang tular di media sosial dan mendapat perhatian masyarakat telah disiasat oleh BKF pada tahun 2021 diantaranya adalah :

- Kes Kegagalan Launcher Girder, SUKE Alam Damai, Kuala Lumpur
- Kes Struktur Perancah Runtuh LRT3, Bukit Tinggi, Klang, Selangor
- Kes Keruntuhan Falsework di Lebuhraya DASH-CB2-Kota Damansara Selangor.



## Makmal Kejuruteraan Forensik – Forensic Engineering Laboratory (FEL)

Makmal Kejuruteraan Forensik mula ditubuhkan pada 14 April 2007. Bermula dengan hanya 4 peralatan utama pada tahun 2010, kini FEL telah mempunyai sebanyak 11 peralatan utama, dan mempunyai keupayaan untuk menjalankan Ujian Kekerasan, Analisis Komposisi Kimia, Analisis Fraktografi dan Analisis Mikrostruktur.

Dalam kes-kes tertentu, penyiasatan forensik akan melibatkan ujian dan analisis makmal yang dijalankan di FEL. Hasil ujian dan analisis makmal ini akan digunakan oleh Pegawai Penyiasat untuk menentukan punca kemalangan. Disebabkan itu, laporan ujian makmal hendaklah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, berintegriti dan berkualiti agar laporan yang dihasilkan tidak dipertikai oleh mana-mana pihak. Justeru terdapat keperluan untuk FEL mendapat akreditasi ISO/ICE 17025.


FEL telah memulakan usaha untuk penyediaan dan pembangunan resources bagi tujuan akreditasi pada tahun 2018. Usaha ini bukanlah mudah, pelbagai cabaran telah dilalui dan akhirnya, pada 18 November 2021, FEL telah mendapat akreditasi ISO/ICE 17025 daripada Jabatan Standard Malaysia.



Sesi Penyampaian Sijil akreditasi makmal MS ISO/IEC 17025 Ketua Pengarah JSM kepada Ketua Pengarah JKJP

## SIASATAN KES KEMALANGAN DAN ADUAN

Secara umumnya, tahun 2021 sebanyak 6,686 kes kemalangan di tempat kerja dan sebanyak 956 kes aduan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah di siasat oleh Seksyen Siasatan dan Pendakwaan (SSP) di pejabat negeri. Daripada 6,686 kes tersebut, 174 merupakan kes kemalangan maut. Kesemua kes kemalangan yang disiasat telah dilaporkan melalui perkhidmatan dalam talian MyKKP yang disediakan oleh pihak Jabatan untuk memudahkan pelanggan membuat pelaporan sebarang kemalangan di tempat kerja dan menyalurkan aduan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



## Perkongsian Maklumat dan Pembangunan KKP

Pelbagai bentuk penerbitan sebagai lesson learnt dan rujukan untuk pembangunan KKP kepada pegawai JKPP, industri dan pihak yang berkaitan telah direalisasikan oleh pihak BKF sebagai medium perkongsian maklumat. Pada tahun 2021, BKF telah menerbitkan Jurnal Forensik 2021 yang memfokuskan kemalangan yang melibatkan lif penumpang. Melalui program kerjasama dengan SSP negeri, infografik KKP telah dihasilkan dan boleh diperoleh melalui laman sesawang JKPP (<http://www.dosh.gov.my>).

## Khidmat Dalaman dan Luaran

Pada suku ke-4 tahun 2021, telah berlangsung Webinar Pendakwaan 2021 yang telah diadakan menggunakan platform digital secara maya. Program ini merupakan platform perkongsian pengetahuan dan pengalaman pegawai penyiasat dan pegawai pendakwa berkaitan kes kemalangan yang telah selesai proses pendakwaan. Program ini juga turut disertai oleh Penasihat Undang-Undang (PUU) Jabatan dan telah menjawab semua persoalan yang dihadapi oleh pegawai khususnya dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan.

Bagi menyebar luas hasil penyiasatan dan membolehkan pihak-pihak berkepentingan mengambil tindakan sewajarnya, program libat urus telah diadakan bersama Bahagian berkaitan. Pada tahun 2021 sebanyak 8 libat urus telah diadakan bagi membincangkan kemalangan melibatkan lif penumpang dan kren menaral. Tujuan libat urus adalah bagi membolehkan tindakan pembaikan terhadap perkhidmatan Jabatan, kecukupan perundangan atau strategi baru penguatkuasaan dilakukan.

## Pembangunan Modal Insan

Bagi memastikan keperluan matrik latihan dipenuhi sama ada mengikut kehendak SPQKKP mahu pun ISO 17025, latihan-latihan ini telah dijalankan sama ada secara bersemuka atau platform secara maya. Pada tahun 2021, semua pegawai BKF telah berjaya memenuhi ketetapan-ketetapan tersebut dan juga ketetapan latihan jabatan iaitu 7 hari setahun.



Pegawai Penyiasat Forensik sedang membuat lakaran struktur runtuh



Pemeriksaan dan penelitian terhadap komponen struktur



Pengukuran komponen yang terlibat dengan kemalangan merupakan langkah penting dalam penyiasatan forensik.



Siasatan Forensik kes kemalangan coal dust flash fire di kilang pembuatan simen



Penyiasatan juga melibatkan pengujian kepada perkakasan tertentu bagi memahami "What went wrong"




Kerjasama dan koordinasi amat penting antara kumpulan Penyiasat Forensik dan kumpulan penyiasat JKJP negeri



Berdasarkan penilaian risiko tempat kejadian yang hendak diakses, pegawai penyiasat sentiasa dilengkapi dengan alat pelindung diri semasa menjalankan tugas.



Pengukuran komponen yang terlibat dengan kemalangan merupakan langkah penting dalam penyiasatan forensik.




Pegawai menjalankan Ujian Kekerasan di Makmal Kejuruteraan Forensik (FEL) akreditasi ISO/ICE 17025

## PERIHAL PENGUATKUASAAN AKTA 342 – PENCEGAHAN COVID-19

### LAPORAN PENGELOUARAN KOMPAUN AKTA 342

JUMLAH PENGUATKUASAAN Operasi Pematuhan SOP PKP	BILANGAN KOMPAUN	JUMLAH KOMPAUN										
<b>7,312</b>	<b>295</b>	<b>RM2,659,000</b>										
PENERIMA KOMPAUN	KOMPAUN MENGIKUT PRIORITI PENGUATKUASAAN	KOMPAUN MENGIKUT SEKTOR										
<b>MAJIKAN</b>  <span style="border: 1px solid blue; border-radius: 50%; padding: 5px; width: 40px; height: 40px; display: inline-block;">266</span>  <b>PEKERJA</b>  <span style="border: 1px solid blue; border-radius: 50%; padding: 5px; width: 40px; height: 40px; display: inline-block;">29</span>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PRIORITI</th><th>JUMLAH</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P1 : WFW - Aduan BDR</td><td>12</td></tr> <tr> <td>P2 : WFW - Aduan BDR &amp; Isu Buruh</td><td>3</td></tr> <tr> <td>P3 : Joint Taskforce</td><td>64</td></tr> <tr> <td>P4 : Operasi Terancang</td><td>212</td></tr> </tbody> </table>	PRIORITI	JUMLAH	P1 : WFW - Aduan BDR	12	P2 : WFW - Aduan BDR & Isu Buruh	3	P3 : Joint Taskforce	64	P4 : Operasi Terancang	212	
PRIORITI	JUMLAH											
P1 : WFW - Aduan BDR	12											
P2 : WFW - Aduan BDR & Isu Buruh	3											
P3 : Joint Taskforce	64											
P4 : Operasi Terancang	212											

### NEGERI PENGELOUAR KOMPAUN



sumber : laporan taskforce operasi pematuhan sop PKP,JKKP Malaysia

Diterbitkan : 1 Januari 2022  
infografik BDAPP JKKP



**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

LAPORAN  
KUMULATIF


**PEMERIKSAAN TASK FORCE  
OPERASI PEMATUHAN SOP / AKTA**

**342**


11 MEI 2020 – 31 DISEMBER 2021

JUMLAH KUMULATIF  
PEMERIKSAAN HARIAN


**35,678**




JENIS TINDAKAN



**BILANGAN PEMERIKSAAN HARIAN MENGIKUT SEKTOR**



**BILANGAN PEMERIKSAAN HARIAN MENGIKUT NEGERI**





**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**


**LAPORAN PEMERIKSAAN *TASK FORCE*  
KUMULATIF OPERASI PEMATUHAN SOP / AKTA  
342**

**11 MEI 2020 – 31 DISEMBER  
2021**

**BILANGAN PEMERIKSAAN LAPANGAN  
MENGIKUT NEGERI vs SEKTOR**

Negeri	Jumlah	Pengilangan	Pembinaan	Perkhidmatan Perniagaan	Lain-Lain	Pertanian	Pertanian
Johor	3,541	2,574	240	435	253	17	22
Kedah	1,957	1,046	110	415	296	31	59
Kelantan	945	315	154	220	152	53	51
Melaka	1,424	793	185	155	165	88	38
Negeri Sembilan	712	476	155	23	44	1	13
Pahang	972	562	67	63	140	8	132
Perak	1,672	1,240	171	27	140	31	63
Perlis	446	205	107	16	83	21	14
Pulau Pinang	3,493	1,976	664	308	448	90	7
Sabah	353	257	44	23	21	1	7
Sarawak	943	293	152	266	129	26	77
Selangor	4,134	2,382	752	462	434	91	13
Terengganu	1,215	444	198	191	247	86	49
WPKL & Putrajaya	937	169	404	154	183	27	0
WP Labuan	155	71	24	27	24	8	1
<b>Jumlah</b>	<b>22,899</b>	<b>12,803</b>	<b>3,427</b>	<b>2,785</b>	<b>2,759</b>	<b>579</b>	<b>546</b>

**JENIS TINDAKAN PEMERIKSAAN LAPANGAN  
MENGIKUT NEGERI**





## LAPORAN PENGUATKUASAAN SOP / AKTA 342



Bagi Tempoh 16 Jun 2021 – 31 Disember 2021

JUMLAH  
PENGUATKUASAAN

**7,311**


### BILANGAN PENGUATKUASAAN MENGIKUT NEGERI

	SL	PP	PK	JH	KD	MK	WPKL	KN	SW	NS	PR	PH	SB	TG	WPPJ	LB
Jumlah Syarikat	1,547	1,178	806	695	592	582	377	337	302	257	202	154	144	83	39	16
Bil. Syarikat Positif COVID-19	682	436	177	326	132	202	100	83	164	82	15	39	33	16	8	7



4,367

### BILANGAN SYARIKAT vs PERATUS PEMATUHAN SOP



### 5 ELEMEN SOP PALING KURANG DIPATUHI

	Peratus Syarikat Tidak Patuh
1 Syarikat mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan (Q 45)	<b>28.2 %</b>
2 Terdapat rekod penyelenggaraan bagi sistem pengudaraan di tempat kerja (Q 29)	<b>18.0 %</b>
3 Pekerja di bawah pemerhatian KKM (Person Under Investigation) atau di bawah perintah pemerhatian di rumah, TIDAK DIBENARKAN hadir bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan KKM (Q 26)	<b>6.6 %</b>
4 Pengukuran suhu badan dan saringan gejala dilakukan oleh kakitangan yang terlatih (Q 35)	<b>5.4 %</b>
5 Syarikat mempunyai pelan / perancangan untuk mematuhi sepenuhnya SOP PKP (Q 22)	<b>4.9 %</b>

### INFO TAMBAHAN

- 4,064 (56%) syarikat menyediakan kemudahan penginapan pekerja
- 2,502 (34%) syarikat mempunyai pekerja yang disahkan positif COVID-19
- 2,974 (41%) syarikat menyertai program Safe@Work MITI
- 1,417 (94%) syarikat mempunyai pengudaraan yang baik. 821 (55%) syarikat mempunyai rekod penyelenggaraan bagi sistem pengudaraan (Berdasarkan pemeriksaan pada 25 Oktober-31 Disember 2021)

## Gambar-gambar Operasi Penguatkuasaan Akta 342

### 25 Jun 2021 - GARDENIA BAKERIES (KL) PUCHONG, SELANGOR

Operasi Akta 342 Bersama Menteri Sumber Manusia bagi memastikan semua premis tanpa mengira sektor kekal patuh kepada Prosedur Standard Operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuklah melaksanakan kaedah bekerja dari rumah (BDR) dan memastikan kehadiran pekerja sector swasta dalam perkhidmatan perlu termasuk operasi dan pengurusan tidak melebihi had yang dinyatakan dalam surat kebenaran beroperasi



**6 Julai 2021 - Pentamaster Technology (M) Sdn. Bhd. Bayan Lepas, Pulau Pinang**

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Haji Awang bin Hashim menyertai Operasi Pematuhan Akta 514 dan Akta 342 dan PPN di sebuah kilang di sekitar Bayan Lepas. Operasi ini disertai sama JKKP, JTKSM, KKM serta PDRM.



**11 Ogos 2021**

Sekitar Operasi Pematuhan Akta 342 PPN Fasa 1 oleh pegawai-pegawai JKKP WPKL. Operasi ini dijalankan di kawasan industri dan tapak bina sekitar Kuala Lumpur.




### 3 September 2021

Operasi pematuhan Akta 342 PPN Fasa 2 oleh pasukan dari Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh bersama pegawai-pegawai JKKP Perak pada 2 September 2021 melibatkan tempat kerja bagi sektor pengilangan di sekitar Daerah Kinta.



### 1 September 2021

Operasi pemantauan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) di Projek Menara Warisan Merdeka (PNB 118).



7 Julai 2021

Operasi OSHA 1994 dan Akta 342 di Melaka



9 SEPTEMBER 2021

Safety Patrol Unit Tapak Bina dan Penguatkuasaan Akta 342.

Pemeriksaan ke atas tapak-tapak pembinaan sekitar negeri Melaka oleh Seksyen Kerja Bina JKKP Melaka. Selain pemeriksaan KKP, penguatkuasaan Akta 342 berkaitan pematuhan SOP pencegahan Covid-19 juga dijalankan di tapak-tapak bina.





DANGER  
AUTHORIZED PERSONNEL ONLY



10  
PROMOSI JABATAN

## AKTIVITI PROMOSI JABATAN

Dalam usaha Jabatan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan pekerja, majikan, dan pelanggan Jabatan; penerangan dan tunjuk ajar berkaitan dengan perundungan keselamatan dan kesihatan telah diberikan. Usaha ini dijalankan supaya semua perundungan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat difahami dan dipatuhi. Antara aktiviti promosi dan publisiti yang dijalankan oleh JKPP adalah:

- i. Memberikan ceramah dan penerangan serta latihan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- ii. Mengajurkan kempen dan pameran yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- iii. Memberikan khidmat kepakaran berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada agensi awam, swasta, persatuan majikan dan pekerja, dan juga kumpulan profesional; dan
- iv. Mengumpulkan dan menyediakan maklumat yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk rujukan, pinjaman, dan sebaran.

### PENCAPAIAN SEKSYEN PROMOSI DAN SUMBER BAGI TAHUN 2021



## PROMOSI



7/05/22, 10:10 AM

<https://www.youtube.com/channel/UCRqmgNgCQD144d04k/videos?view=25> 0 views 523

NAVIGATION

doshmalaysia

1.96K subscribers

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA [jksm.gov.my](http://jksm.gov.my)

Subscriptions

Library

**doshmalaysia** 1.96K subscribers


HOME VIDEOS PLAYLISTS COMMUNITY CHANNELS ABOUT

Past live streams ▾

STATISTIK KEMALANGAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN...	WEDINAR KESELAMATAN STRUKTUR SEMENTARA...	BENGKEL KERJA DENGAN SELAMAT DAN SIHAT DL...	BENGKEL KERJA DENGAN SELAMAT DAN SIHAT PEKERJAAN...	SEMINAR NEW NORM FOR SME BUSINESS OPERATIO...	BENGKEL KERJA DENGAN SELAMAT DAN SIHAT DL...
2.2K views · Streamed 3 weeks ago	1.5K views · Streamed 7 months ago	395 views · Streamed 8 months ago	593 views · Streamed 9 months ago	442 views · Streamed 9 months ago	307 views · Streamed 9 months ago
2:11:18	4:01:28	0:08:47	7:59:36	4:02:56	4:54:30
MAJLIS PELANCARAN OSHP25 DAN SAMBUTAN...	MAJLIS PELANCARAN OSHP25 DAN SAMBUTAN...	BENGKEL KERJA DENGAN SELAMAT DAN SIHAT DL...	BENGKEL KERJA DENGAN SELAMAT DAN SIHAT DL...	PROGRAM HEBAHAN DAN DIALOG PENGUATKUASAAN...	MAJLIS PELANCARAN SIRAC ONLINE
2.7K views · Streamed 9 months ago	8.4K views · Streamed 9 months ago	609 views · Streamed 9 months ago	402 views · Streamed 9 months ago	1.1K views · Streamed 10 months ago	1.2K views · Streamed 10 months ago
5:16:56	7:35:41	4:16:05	4:41:50	8:19:13	4:37:40


Promosi melalui Saluran Youtube Channel : doshmalaysia

## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021




1 Januari 2021 – 31 Disember 2021

- Facebook Page reach




1 Januari 2021 – 31 Disember 2021

- Facebook Page visits



**1 Januari 2021 – 31 Disember 2021**

- Facebook Page new likes



#### Audience


i Export ▾

Current audience Potential audience

#### Facebook Page followers i

**50,187**

#### Age & gender i



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

Department of Occupational Safety and Health (@doshmalaysia) / Twitter

← Department of Occupational Safety and Health  
2,491 Tweets



JKKP/DOSH

Follow

**Department of Occupational Safety and Health**  
@doshmalaysia

The official twitter of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Malaysia

④ Putrajaya [linktr.ee/doshmalaysia](#) Joined April 2019

232 Following 1,429 Followers

Not followed by anyone you're following


Tweets Tweets & replies Media Likes

Pinned Tweet

Department of Occupational Safety an... @doshma... - Nov 9, 2021 ...  
-[LAPORAN TAHUNAN]-

JKKP telah menerbitkan Buku Laporan Tahunan JKKP 2020 di laman web Jabatan. Pelbagai fakta, statistik terkini, sorotan aktiviti dan infografik menarik berkenaan aktiviti JKKP telah disajikan.

Klik pada pautan:-  
[dosh.gov.my/index.php/lapo...](#)



Search Twitter



You might like

PERKESO Official @PERKESOofficial Follow

KPDNHEP @kpdnhep Follow

Kem. Sumber Man... @myksm Follow

Show more

**Trends for you**

Entertainment - Trending  
#kinnporscheworldtour2022 ...  
802K Tweets

Trending in Malaysia  
GIRLS ARE BACK ...  
18.4K Tweets

Trending in Malaysia  
#HappyBirthdayHongBanjang ...  
3,384 Tweets

Music - Trending  
FOREVER 1 ...  
696K Tweets

Trending in Malaysia  
#ejenali ...

K-pop - Trending  
#jhope ...  
219K Tweets

Trending in Malaysia  
Tee Kai Wun ...  
4,662 Tweets

Trending in Malaysia  
#SourceMusicGotRejected ...  
5,237 Tweets

Trending in Malaysia ...

Promosi melalui Saluran Twitter : **doshmalaysia**  
Followers : 1429

## ANTARA AKTIVITI PROMOSI SEPANJANG 2021

### Unit Komunikasi Koperat

Temuduga Wartawan Akhbar Kosmo Dengan Tn Ketua Pengarah JKPP Pada 5 Oktober 2021



YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia Menghadiri Majlis Menandatangani Komitmen Terhadap KKP oleh Pemaju, Pereka Bentuk & Kontraktor Pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) Selaku Pengerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKPP) Bertempat Di Bangi Resort Hotel pada 5 April 2021.



Program Majlis Ukhwah Ramadhan Kerajaan, Majikan dan Pekerja Di Hotel Meridien Bangi Bersama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia 5 MEI 2021



Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Tempat Kerja  
28 April 2021



Pelancaran Pelan Induk KKP Negara OSHMP 2025 Secara Maya  
13 OKTOBER 2021



Program Lawatan TNB Genko ke JKKP Ibu Pejabat

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan







11

# AKTIVITI ANTARA BANGSA

## AKTIVITI ANTARABANGSA

Jabatan sentiasa komited untuk meneruskan usaha dalam menangani isu KKP Negara dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran KKP melalui kolaborasi dan kerjasama di persada antarabangsa. Di antara penglibatan jabatan di peringkat antarabangsa adalah seperti mematuhi konvensyen-konvensyen antarabangsa yang melibatkan isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, menyumbang kepakaran dalam pembangunan piawaian, latihan, pengetahuan dan pengalaman kepada negara anggota khususnya ASEAN, OIC serta negara-negara lain secara amnya. Di samping itu, jabatan juga memainkan peranan untuk mengkaji piawaian antarabangsa yang bersesuaian untuk diterapkan dalam sistem KKP negara.

Melalui sumbangan dan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa ini, maklumat terkini berkaitan isu-isu KKP dapat diperoleh oleh pihak jabatan serta imej Negara dalam bidang KKP dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

Penularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan program antarabangsa tidak dapat dilaksanakan secara fizikal. Mesyuarat, program latihan dan persidangan telah dilaksanakan secara dalam talian.

### Senarai Program Antarabangsa 2021 yang Disertai oleh Pegawai Jabatan

Bil.	Nama Program	Tarikh	Penganjur
<b>ASEAN-OSHNET</b>			
1	Workshop on the Prevention and Control of COVID-19 at Workplace for Sustainable Business	24 Februari 2021	ASEAN-OSHNET Indonesia
2	ASEAN-OSHNET Virtual Learning to Enhance Understanding and Implementation of OSH Management Systems for SMEs	3 Mac 2021	Malaysia
3	Validation Workshop to validate the Impact Study of the ALM Work Programme 2016 – 2020	1 April 2021	ASEAN Secretariat
4	Second Consultative Workshop on Consolidated Strategy on the Fourth Industrial Revolution (4IR) for ASEAN - 27 April 2021	27 April 2021	ASEAN Secretariat
5	9th ASEAN Labour Inspection Conference (ALIC)	27 – 28 Mei 2021	Singapore
6	1st Workshop on Development of ASEAN Guidelines on HIV Counselling and Testing in the Workplace and Workshop on Prevention and Control of HIV-AIDS at the Workplace during Pandemic COVID-19	9 – 10 Jun 2021	Indonesia
7	7th ASEAN-OSHNET Conference (AOC) and the Awarding Ceremony	27 Julai 2021	Lao PDR
8	17 <sup>th</sup> Senior Labour Officials' Meeting (SLOM)	9 – 10 Sep 2021	Vietnam / Indonesia
9	1st Workshop on Economic Justification of Occupational Safety and Health (OSH) Programs in the Construction Sector	13 – 14 Okt 2021	Indonesia
10	7th Meeting of the ASEAN BCA	3 Nov 2021	Singapura
11	Workshop for Labour Inspector on Violence and Harassment at Work Place	23 Nov 2021	Indonesia
12	Second Workshop on Development of ASEAN Guidelines on HIV Counselling and Testing in The Workplace	24 Nov 2021	Indonesia

<b>International Labour Organization</b>			
13	Distance Learning Course on Occupational Safety and Health	14 Apr – 30 Jun 2021	ILO
14	The Fundamentals of Labour Market Information Systems and Sectoral Approaches	26 Apr – 7 Mei 2021	ILO
15	Continuing Legal Education on International Labour Standards Siri Pertama	19 Apr – 30 Jun 2021	ILO
16	E-Learning Course on Labour Inspection	7 Jun – 30 Julai 2021	ILO
17	Continuing Legal Education on International Labour Standards Siri Kedua	1 Jul – 30 Sep 2021	ILO
18	Continuing Legal Education on International Labour Standards Siri Ketiga	1 Okt – 31 Dis 2021	ILO
19	Kursus ILO E-Academy on Labour Administration, Labour Inspection and Workplace Compliance	15 – 26 Nov 2021	ILO
<b>Organisation of Islamic Cooperation</b>			
20	Training course on "International OSH Regulations"	21 – 22 Apr 2021	OIC-OSHNET
21	Training Course on "OSH Inspection Services"	24 – 26 Mei 2021	OIC-OSHNET
22	Training Course on "The Application of the OIC SMIIC Standards on OSH"	21 – 23 Jun 2021	OIC-OSHNET
23	Training Course on "Definition, Classification and Regulations on Biological Agents A Global Perspective"	20 – 22 Sep 2021	OIC-OSHNET
24	Training Workshop on "Improving and Fostering OSH Culture in Workplaces"	18 – 21 Okt 2021	OIC-OSHNET
<b>Organisation for the Prohibition of Chemical Weapon</b>			
25	Chemical Safety and Security Management Programme for Asian Member States Jointly Organized with the National Authority of Qatar	23 Feb 2021	OPCW
26	Wuppertal Online Course – Explosion Protection and Error Management in the Chemical Process Industries 2021	6 Sep – 8 Okt 2021	OPCW
27	Seoul Workshop on the Peaceful Development and Use of Chemistry for Member States of the OPCW in the Asian Region	13 Dis 2021	OPCW
<b>International Association of Labour Inspection</b>			
28	Covid-19 and the Implications for Labour Inspectorates	3 Jun 2021	IALI
29	Competency Framework for Labour Inspectorates	24 Jun 2021	IALI
30	IALI General Assembly	27 Julai 2021	IALI
<b>LAIN-LAIN</b>			
31	IOHA 2021	13 – 17 Sep 2021	KOSHA
32	Kuwait International Conference on Occupational Health (KICOH 2021)	3 – 4 Nov 2021	Kuwait

## Perancangan Program Antarabangsa Anjuran Jabatan bagi Tahun 2021

Bil.	Nama Program	Cadangan Tarikh	Status
<b>ASEAN-OSHNET</b>			
1	ASEAN-OSHNET Virtual Learning Training of Trainers to Enhance Understanding and Implementation of OSH Management Systems for SMEs	3 Mac 2021	Selesai
2	Training of Trainers on Labour Inspection on SMEs and Informal Sector	3 Mac 2021	Selesai
3	Workshop on the ASEAN Risk Management Guidebook (focusing on SMEs)	Dis 2021	
4	Penganjuran 22nd ASEAN-OSHNET Coordinating Board Meeting (CBM) & 8th ASEAN-OSHNET Conference (AOC)	24 – 25 Ogos 2021	Selesai
5	Workshop on the Use of Modern Technology in OSH Inspection	Nov 2021	Tangguh ke 2022
<b>OIC-OSHNET</b>			
1	Training Course on “International Occupational Safety and Health (OSH) Regulations”	19 – 20 April 2021	Selesai
2	Training Workshop on “Sharing Best Practices and Models on the Application of OSH”	Disember 2021	
<b>Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)</b>			
1	OSH Management in Palm Oil Plantation Sector	31 Mei – 4 Jun 2021	Selesai
2	OSH Management for Asiamn Countries	25 – 29 Oktober 2021	Selesai

## GAMBAR-GAMBAR PROGRAM ANTARABANGSA 2021

24 Ogos 2021


Berlangsungnya 22nd ASEAN-OSHNET Coordinating Board Meeting (22nd CBM) yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Dasar & Antarabangsa KSM, A. Maniam secara dalam talian.





## 7 Disember 2021


ASEAN-OSHNET Workshop - Guideline on Occupational Safety and Health (OSH) Risk Management for Small and Medium Enterprises in ASEAN Member States



**Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)**  
**OSH Management in Palm Oil Sector**  
**5 – 9 September 2021**

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH), Agensi Buruh dan Pertanian dari 4 negara penerima: Ghana, Kiribati, Oman dan Zimbabwe telah menghadiri Program Kerjasama Teknikal Malaysia Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam majlis dan bengkel Sektor Perladangan Kelapa Sawit melalui talian.

Bengkel itu telah diadakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Kementerian Luar Negeri bagi memperkenalkan inisiatif dan strategi persekitaran kerja untuk mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan seperti di dalam Sarjana Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Rancangan (OSHMP), Program Tahap Peningkatan Kesihatan Pekerjaan Sistematik (SOHELP) dan Sokongan Pematuhan OSH.



**Third Country Training Programme (TCTP)**  
**OSH Management for Asian Countries**  
**25 – 29 Oktober 2021**

Pegawai dari Agensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH), Buruh, Kesihatan Awam dan Keselamatan Sosial dari Indonesia, Laos PDR, dan Pakistan telah menghadiri Program Latihan Negara Ketiga: Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk Negara Asia.

Latihan itu diadakan oleh DOSH dan anjuran bersama Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Kementerian Luar Negeri dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) Malaysia.







# 12 SUCCESS STORIES PEJABAT NEGERI



## PROGRAM KESIHATAN DI KALANGAN PEGAWAI JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJA NEGERI PERLIS

**Kangar, 25 November 2021** – Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perlis telah mengadakan program Kesihatan di Kalangan Pegawai anjuran dari Seksyen Kesihatan Pekerjaan Perlis.

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah mendaki Bukit Gua Wang Burma, Perlis. Objektif program ini dijalankan adalah dimana memastikan pegawai dapat meningkatkan tahap kesihatan yang optimum untuk kerja di lapangan. Sebagai inisiatif bagi meningkatkan tahap kesihatan para pegawai dan mengurangkan risiko penyakit pegawai JKKP Perlis iaitu Non - Communicable disease (NCD).

Para kakitangan merupakan sumber tenaga yang dapat mentransformasikan cara kerja dengan menghayati, mencintai serta bertanggungjawab terhadap nilai-nilai kesihatan dan kecerdasan. Merancang dan menguruskan perlaksanaan sesuatu program, dapat membentuk kakitangan yang berfikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Membantu kakitangan mempertingkatkan kayakinan dan jati diri dalam mengharungi cabaran sebagai penjawat awam



**PROGRAM WEBINAR PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2021-2025 (OSHMP25 TERAS STRATEGI 2: PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA BERSEMPENA SAMBUTAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH WEEK) PERINGKAT JKJP NEGERI PERLIS 2021**

**Kangar, 14 Oktober 2021** – Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perlis telah mengadakan Program Webinar Pelan Induk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25 Teras Strategi 2: Pengukuhan Amalan Peraturan Kendiri Di Tempat Kerja Bersempena Sambutan Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Week) Peringkat JKJP Negeri Perlis 2021. Program ini telah dijalankan secara Hybrid.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia, Puan Rozieana Binti Ahmad Exco Pendidikan, Pembangunan Sumber Manusia, Sains, Teknologi & Inovasi, Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT). Program ini turut dihadiri oleh Yang Berusaha En. Amree bin Ghazi Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perlis dan agensi-agensi dibawah Kementerian Sumber Manusia.

Program ini telah dihadiri seramai 300 orang peserta secara talian manakala 50 orang peserta secara bersemuka. Program ini diadakan bersekali dengan sambutan OSH WEEK Peringkat JKJP Negeri 2021. Gandingan kedua program ini adalah sangat bersesuaian kerana sasaran utama bagi penyampaian objektif program ini adalah kepada golongan professional dan bukan professional serta semua pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan di pelbagai lapisan umur, baik daripada perkhidmatan awam mahupun swasta dalam usaha mempertingkatkan usaha dan kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada negara. Semua pengisian program dan aktiviti yang akan diadakan adalah selaras dengan tagline pada tahun ini iaitu “**KKP Inklusif-Kebersamaan dan Komitmen**”.






## JKKP KEDAH

### 18 Januari 2021 – Operasi Glove

“Operasi Glove telah dilaksanakan pada 18 Januari 2021 di 11 tempat kerja di Kedah. Operasi diketuai oleh Pengarah JKPP Kedah, En. Hairozie bin Asri.

Operasi dijalankan dalam usaha mencegah penularan COVID-19 di tempat kerja serta memberi fokus kepada industri yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai dan mempunyai risiko yang lebih tinggi secara relatif berbanding dengan industri lain.”



### 18 Mac 2021 - SME OSH-Coordinator Programme V2

Program OSH-C adalah ini satu usaha kerajaan bagi membantu IKS membangunkan, menyelenggara dan menyelia program-program OSH yang berkaitan ditempat kerja mereka dengan kos yang lebih rendah.

The left side of the image shows a promotional banner for the 'SME OSH v2 Coordinator Programme'. The banner features the text 'SME OSH v2 Coordinator Programme', the date '18 March 2021 (Thu)', the time '3 p.m. to 5 p.m.', and a 'FREE WEBINAR' badge. It also includes the name 'En HAIROZIE BIN ASRI' and contact information '016 - 559 4008'. The right side of the image is a screenshot of a Zoom video conference with multiple participants in a grid layout, each with their names displayed below their video feeds. The conference is titled 'SME OSH v2 Coordinator Programme'.

**12 April 2021 - Program Malaysia Prihatin: Seminar OSH-Coordinator dan Program Kesedaran Vaksinasi COVID-19 Peringkat Negeri Kedah**

"Dirasmikan oleh YB Datuk Haji Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia Merangkap Pengurus Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Tarikh : 12 April 2021 (Isnin)

Tempat : Kulim Golf Resort & Country Resort, Kulim Hi-Tech Park, Kulim, Kedah Darul Aman"



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

### 26 Julai 2021 - "PROGRAM OSH-COMPLIANCE SUPPORT FOR SME 2021 BENGKEL UP-SKILLING KOMUNIKASI BERKESAN DALAM KKP."

"Bengkel telah diadakan pada 26 Julai 2021 ( Isnin ) melalui platform Zoom Meeting anjuran Seksyen IKS JK KP Kedah.

Program ini telah dirasmikan oleh Tn Hairozie bin Asri, Pengarah JK KP Kedah. Seramai 100 orang peserta terdiri daripada pengamal KKP di sektor IKS telah menyertai program ini."



### 6 – 8 September 2021 - Bengkel OSH Coordinator (OSH-C) Sektor Pertanian Peringkat Negeri Kedah 2021

" Bengkel OSH Coordinator (OSH-C) Sektor Pertanian Peringkat Negeri Kedah 2021 secara atas talian menggunakan platform Google Meet dan Zoom pada 6-8 September 2021 ( Isnin hingga Rabu ) pada pukul 8.30 pagi hingga 1 petang.

Objektif program adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan tahap pematuhan KKP di tempat kerja terutamanya di sektor pertanian.
2. Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif menerusi Koordinator KKP selaras dengan aspirasi Dasar KKP Negara.

Program ini telah dirasmikan oleh Tn Hairozie bin Asri, Pengarah JK KP Kedah. Seramai 25 orang peserta telah menyertai bengkel ini."



### 30 Setember 2021 - Hari Bertemu Pelanggan JKPP Kedah

“ Sesi ini dijalankan sebagai salah satu usaha untuk mendapatkan maklumbalas berkaitan isu-isu yang dihadapi oleh pihak majikan, pekerja atau orang awam di luar sana secara langsung, seterusnya mengukuhkan lagi interaksi dan komunikasi antara Jabatan dengan pelanggan.

- Antara topik yang boleh ditanya atau dibincangkan :
  - 1) Isu MYKKP
  - 2) Isu pendaftaran tempat kerja/jentera
  - 3) Isu pemeriksaan ulangan kilang dan jentera
  - 4) Aktiviti penguatkuasaan
  - 5) Aktiviti promosi (permohonan ceramah/pameran/program)
  - 6) Aduan dan pertanyaan berkaitan KKP
- Setiap isu yang diketengahkan akan mendapat maklum balas secara terus oleh Tuan Pengarah JKPP Kedah dan Pengurusan Tertinggi JKPP Kedah (tertakluk kepada perubahan).



**14 Oktober 2021 - Webinar OSHMP: Perkongsian Maklumat KKP dan Amalan Terbaik Industri dalam KKP Peringkat Zon Utara**

"Perasmian akan disempurnakan oleh YBrs. Ir Zailee bin Dollah, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

Webinar ini adalah bertujuan untuk mewarwarkan berkenaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP 2025) kepada golongan majikan, pekerja dan bakal pekerja."



**18 Oktober 2021 - 60 Minutes We Are OSH Leaders (Pembinaan)**

Program 60 Minutes We Are Osh Leader ini adalah program yang dirangka di bawah Strategi 2, Program 1: Pemilikan dan Kepimpinan KKP yang bertujuan untuk menerapkan nilai KKP di kalangan majikan / pihak pengurusan melalui pendekatan dialog dan perbincangan yang diadakan bersama Pihak Pengurusan Atasan JKKP / Pengarah JKKP Negeri. Program ini memfokuskan kepada peningkatan pengurusan KKP yang cekap dan berkesan dalam kalangan majikan bagi mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja. Program perjumpaan bersama majikan / pihak pengurusan bukanlah suatu perkara baru yang dijalankan oleh JKKP. Melalui inisiatif di bawah OSHMP, program ini dilihat perlu diperkasa dan diseragamkan bagi memberi impak yang lebih meluas dan berkesan kepada suatu tempat kerja.



**20 Oktober 2021 - Webinar Compliance Support: Program KKP Bersama Pengusaha dan Persatuan IKS Kedah**



**21 Oktober 2021 - "MAJLIS PENUTUP MINGGU KKP 2021 PERINGKAT NEGERI DOSH Kedah"**





## PROGRAM 1

### PROGRAM "TEH TARIK" POSHE BERSAMA JKKP PERAK



Program "Teh Tarik" Bersama Pengarah JKKP Perak anjuran Persatuan Pengamal Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran Negeri Perak (POSHE) telah diadakan pada 12 April 2021 bertempat di Kinta Riverfront Hotel, Ipoh, Perak.

Seramai 32 orang pengamal KKP telah hadir menjayakan sesi dialog bersama Ir. Zamzurin bin Maarof, Pengarah JKKP Perak. Pelbagai isu-isu KKP telah dibincangkan di dalam sesi ini.

## PROGRAM 2

### SME OSH COORDINATOR V3



Program SME OSH Coordinator V3 anjuran Persatuan SME Seberang Perai dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perak telah diadakan pada 3 Jun 2021 menggunakan platform zoom. Seramai 380 orang peserta dari kalangan majikan, pekerja, pengamal KKP, pensyarah dan pelajar lepasan sekolah, kolej dan universiti telah hadir menjayakan program ini. Program ini turut dihadiri oleh Ir. Zamzurin bin Maarof (Pengarah JKPP Perak), Mr. Francis Wong (Presiden Persatuan SME Seberang Perai) dan Mr. Jeff Lai (Presiden Persatuan SME Perak). Sesi ceramah bertajuk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor IKS dan OSH Coordinator telah disampaikan oleh En. Pavintheran A/L Kandasamy (Ketua Seksyen IKS JKPP Perak). Sesi dialog antara Pengarah JKPP Perak bersama peserta program turut diadakan bagi membincangkan isu-isu KKP dan OSH Cordinator di sektor IKS.

### PROGRAM 3

#### BENGKEL “OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH COORDINATOR” (OSH-C) SEKTOR PERTANIAN PERINGKAT NEGERI PERAK 2021



Ucapan Perasmian oleh YBrs. En. Supian bin Alias, Pengarah JKPP Perak



Bengkel “Occupational Safety and Health Coordinator” (OSH-C) Sektor Pertanian Peringkat Negeri Perak 2021 telah diadakan pada 7 hingga 9 September 2021 secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. En. Supian bin Alias, Pengarah JKPP Perak pada 7 September 2021. Bengkel OSH-C Sektor Pertanian Peringkat Negeri Perak 2021 yang berlangsung selama 3 hari telah dihadiri oleh 25 orang peserta dari 25 buah ladang sawit di negeri Perak.

## PROGRAM 4

### OPERASI PENGUATKUASAAN KHAS AKTA 446 DAN AKTA 342 BERSAMA YB TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA PADA 24 SEPTEMBER 2021



Ucapan Aluan oleh En. Supian bin Alias, Pengarah JKPP Perak



Ucapan Perasmian oleh YB Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud, Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia Negeri Perak

JKKP Ibu Pejabat dan JKPP Perak telah turut serta dalam Operasi Penguatkuasaan Khas Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) di Taiping Perak. Operasi ini diketuai oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

Operasi bersama YB Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Haji Awang bin Hashim turut disertai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Pekerjaan) JKPP Malaysia, Ir. Hj. Mohd Hatta bin Zakaria dan Pengarah JKPP Perak, En. Supian bin Alias serta wakil agensi lain iaitu PERKESO, PDRM Cawangan Taiping serta Jabatan Kesihatan Negeri Perak.

PROGRAM 5

SAMBUTAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT NEGERI PERAK 2021

# WEBINAR

BERSEMPENA SAMBUTAN  
**MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
PERINGKAT NEGERI PERAK 2021**

**"KKP INKLUSIF-KEBERSAMAAN DAN KOMITMEN"**  
**"PEMERKASAAN  KESIHATAN PEKERJAAN"**



**14 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**  
**8.30 PAGI - 1.00 PETANG**

**LIVE STREAM**


**VBr. En. Supian bin Alias  
Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan  
Perak**

**Dirasmikan oleh:**  
**YB Tuan Ahmad Saidi bin Mohamad Daud  
pengerusi Jawatankuasa Pendidikan,  
Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia  
Negeri Perak**

**Anjuran:**   

**Dipacu:**  **Dengan Kerjasama:** 

**f JKPP Perak** **jkkppk@mohr.gov.my** **www.dosh.gov.my**



Sesi sidang akhbar bersama pihak media

Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Negeri Perak 2021 telah diadakan pada 14 Oktober 2021 oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan Perak dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak melalui Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia dan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK). Program telah diadakan melalui platform Zoom dan YouTube Live dan disertai oleh 450 orang peserta. Program ini telah dirasmikan oleh YB Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia Negeri Perak.

## PROGRAM 6

### WEBINAR INOVASI DAN INTERVENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2021



Webinar Inovasi dan Intervensi KKP 2021 adalah kesinambungan daripada Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Negeri Perak 2021. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perak dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak melalui Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia Negeri Perak dan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK). Program yang diadakan secara talian menggunakan platform zoom ini telah disertai oleh 250 orang peserta. Webinar ini turut disertai oleh peserta-peserta yang telah menghantar penyertaan untuk Pertandingan Inovasi dan Intervensi KKP Peringkat Negeri Perak 2021. Pemenang-pemenang pertandingan telah dijemput untuk hadir ke sesi program ini secara bersempena bagi majlis penyampaian hadiah. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Hj. Mohd Misbahul Munir bin Masduki, Pengarah PASAK dan YBrs. En. Supian bin Alias, Pengarah JKKP Perak. Senarai pemenang adalah seperti berikut :-

KATEGORI PERTANDINGAN	SENARAI PEMENANG	
Kategori 1 : Pencegahan Penularan Covid-19 di Tempat Kerja	Tempat Pertama	Majlis Perbandaran Manjung
	Tempat Ke-2	Salutica Allied Sdn Bhd
	Tempat Ke-3	Hospital Teluk Intan
Kategori 2 : Inovasi dan Intervensi KKP di Tempat Kerja	Tempat Pertama	Institut Latihan Perindustrian Ipoh
	Tempat Ke-2	Universiti Teknologi Petronas
	Tempat Ke-3	Sime Darby Plantation (Ladang Sabrang)
Kategori 3 : Inovasi dan Intervensi KKP di Pusat Pengajian Tinggi atau TVET	Tempat Pertama	Institut Latihan Perindustrian Ipoh
	Tempat Ke-2	Politeknik Sultan Azlan Shah
	Tempat Ke-3	Institut Latihan Perindustrian Ipoh
Kategori 4 : Video KKP di Sekolah (terbuka untuk Sekolah Menengah di Perak)	Tempat Pertama	SMK Kg. Dato' Seri Kamaruddin
	Tempat Ke-2	SMK Kg. Dato' Seri Kamaruddin
	Tempat Ke-3	SMK Kg. Dato' Seri Kamaruddin

## PROGRAM 7

### Pemeriksaan Khas Dan Pengukuran Gas Berbahaya Di Dalam Ruangan Ambulans



Pemeriksaan khas dan pengukuran gas berbahaya di dalam ruangan ambulans milik Jabatan Kesihatan Negeri Perak telah dijalankan oleh pegawai-pegawai Seksyen Higien Industri, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Perak pada bulan September 2021 bertempat di perkarangan Klinik Kesihatan Greentown, Ipoh dan Pejabat Kesihatan Daerah Batang Padang, Tapah. Ia merupakan salah satu bantuan khidmat teknikal dari pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perak bagi membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.



## JKKP Pulau Pinang

### Operasi Bersepadu Akta 446 Bersama Timbalan Menteri Sumber Manusia

Tarikh: 29 Januari 2021

Satu Operasi Bersepadu Akta 446 bersama YB Timbalan Menteri Sumber Manusia telah diadakan pada 29 Januari 2021. Operasi ini telah dijalankan bersama Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang di premis asrama pekerja dan kilang di kawasan Juru, Pulau Pinang.



OPERASI BERSEPADU AKTA 446 BERSAMA TIMBALAN  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
29 JANUARI 2021



## Majlis Penyerahan Sijil Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan

Tarikh: 28 April 2021

Majlis Penyerahan Sijil Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan telah diadakan pada 28 April 2021 di Pejabat JKPP Pulau Pinang. Sijil Anugerah Khas ini telah disampaikan oleh En. Mohd Sofandi bin Bujang, Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Pulau Pinang kepada En. Hassan bin Alias, Pengarah JKPP Pulau Pinang.



**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL ANUGERAH KHAS  
KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

**28 APRIL 2021**

**JKKP PULAU PINANG**



**Operasi Pematuhan Akta 342 Di Kawasan Perindustrian Sekitar Bayan Lepas, Pulau Pinang Bersama Yb Timbalan Menteri Sumber Manusia**

Tarikh: 6 Julai 2021

Agenzia Terlibat : JKKP Pulau Pinang, JKKP Ibu Pejabat, PDRM, KKM Dan JTK PP

BARAT DAYA - 6 JULAI 2021, Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Haji Awang bin Hashim telah mengetuai operasi pematuhan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) yang berlangsung di sekitar kawasan Perindustrian Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Operasi bersepadu ini melibatkan pelbagai agensi dan kementerian seperti JKKP, JTK, PDRM, KKM dan PBT. Sebanyak 5 premis pengilangan di sekitar Kawasan Perindustrian Bayan lepas, Pulau Pinang terlibat dengan operasi hari ini. Operasi kali ini melibatkan 5 pasukan dari Jabatan keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Pulau Pinang, 5 pasukan dari PDRM, 3 pasukan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan beberapa orang pegawai dari JKKP Ibu Pejabat.

Operasi ini dijalankan bagi memastikan semua premis tanpa mengira sektor kekal patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuklah melaksanakan kaedah bekerja dari rumah (BDR) dan memastikan kehadiran pekerja sektor swasta dalam perkhidmatan perlu termasuk operasi dan pengurusan tidak melebihi had yang dinyatakan dalam surat kebenaran operasi.

Selain itu, operasi ini juga berjalan secara serentak di seluruh negara. Sebarang kesalahan yang dikenalpasti menerusi operasi ini akan diambil tindakan perundangan menurut peruntukan undang-undang yang berkenaan.





**Operasi Bersepadu Pematuhan Akta 342 Bersama Agensi Lain**

Tarikh: Sepanjang Tahun 2021


Agensi Terlibat : Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah, JKJP Pulau Pinang, Pejabat Kesihatan Daerah, MBSP



Taklimat Operasi dijalankan di Perkarangan Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah sebelum operasi dijalankan

## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

**Kunjungan Hormat Ir. Zailee Bin Dollah, Ketua Pengarah JKKP Malaysia Ke JKKP Pulau Pinang**  
Tarikh : 16 November 2021





JKKP Selangor

## 1. Sambutan Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Negeri Selangor Tahun 2021

Majlis perasmian Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Negeri Selangor Tahun 2021 telah disempurnakan dengan jayanya oleh Yang Berusaha Ir. Hj. Mohd. Hatta bin Zakaria, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Pekerjaan), JKPP Malaysia pada 14 Oktober 2021 (Khamis), Secara atas talian (Platform Zoom)




Lawatan YB Timbalan KSM ke WRP, Sepang, SL



Aktiviti Pameran Pasca COVID-19



### Ceramah Online Pasca COVID-19



### Lawatan Menteri Ke Gardenia OPS 342



**Lawatan sambil Belajar Lif di Menara PNB**



## Operasi Penguatkuasaan Akta 342





**1. Majlis Pelancaran Program Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme (SoHELP) 2021 anjuran Seksyen Higien Industri, JKKP WP Kuala Lumpur & Putrajaya**

Tarikh: 22 Mac 2021

Tempat: Hotel Dorsett Kuala Lumpur



**2. Lawatan YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia ke Lokasi Kemalangan Maut di Tapak Projek SUKE**

Tarikh: 22 Mac 2021

Tempat: Tapak Projek SUKE, Kuala Lumpur



**3. Operasi Pematuhan Akta 514 dan Akta 342 Diketuai oleh YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia di Tapak Projek Merdeka 118**

Tarikh: 1 September 2021

Tempat: Tapak Projek Merdeka 118, Kuala Lumpur





## JKKP Negeri Sembilan

### 1. Majlis Pelancaran Program Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme (SoHELP) DIY 2021 anjuran Seksyen Higien Industri, JKKP Negeri Sembilan

Tarikh: 26 April 2021

Tempat: Atas Talian – Google Meet



### 2. Webinar Up-Skilling: Kawalan Kebisingan Di Sektor Industri Kecil dan Sederhana 2021

Tarikh: 12 Ogos 2021

Tempat: Atas Talian – Google Meet



**3. Webinar Sektor Awam: Asas Perundangan dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan kepada Anggota JPNS-JPS-JPJ (Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Jabatan Pengairan dan Saliran NS, Jabatan Pengangkutan Jalan NS)**

Tarikh: 1 September 2021

Tempat: Atas Talian – Google Meet



**4. Webinar Sektor Awam: Asas Perundangan dan Safety Committee kepada Anggota SPRM NS**

Tarikh: 2 September 2021

Tempat: Atas Talian – Zoom



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

### 5. Webinar Keselamatan Tempat Kerja di Sektor Pertanian kepada Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Sembilan dan Pertubuhan Peladang Kawasan.

Tarikh: 8 September 2021

Tempat: Atas Talian – Microsoft Teams



### 6. Webinar OSH Compliance Support: Bengkel OSH Coordinator Sektor Pertanian

Tarikh: 14, 15 & 22 September 2021

Tempat: Atas Talian – Google Meet



### 7. Dialog Bersama Penyedia Latihan OSH Coordinator dan Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana 2021

Tarikh: 29 September 2021

Tempat: Atas Talian – Google Meet



## 8. Bimbingan KKP Bersama Stakeholders Kilang Kelapa Sawit.

Tarikh: 6 Oktober 2021

Tempat: Atas Talian – Google Meet



## 9. Webinar Isu Ergonomik Ketika BDR: Bagaimana Menyediakan Tempat Kerja Ergonomik Di Rumah Bersama Institut Latihan Perindustrian (ILP) Malaysia

Tarikh: 8 Oktober 2021


Tempat: Atas Talian – Zoom



## 10. Taklimat Ergonomik di Columbia Asia Hospital Sempena OSH Week 2021

Tarikh: 12 Oktober 2021

Tempat: Hybrid – Microsoft Teams & Hospital Columbia Asia



## 11. Taklimat KKP: Pendekatan Ergonomik di LPPKN NS

Tarikh: 12 Oktober 2021

Tempat: Atas Talian – Google Meet



## 12. Sambutan Minggu KKP Peringkat Negeri Sembilan 2021: OSH Mega Conference: Teras Strategik 7-Peningkatan KKP Jalan Raya (WRRS) Sektor Informal dan Future Jobs.


Tarikh: 14 Oktober 2021

Tempat: Atas Talian – Zoom





## JKKP Melaka



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021



### Operasi JKKP Melaka Sepanjang Tahun 2021



### Sambutan OSWEEK 2021





JKKP Johor

## Chief Government Security Office Audit 2021



## Kunjungan Hormat MMHE Bersama Pengarah



### Kunjungan Hormat TNB Johor Bersama Pengarah



Sambutan OSHWEEk Dan Pelancaran OSHP25



Retreat JKJP Johor 2021



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021




## Sambutan World OSH Day 2021



# LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021



## JKKP Pahang

<p><b>Program:</b> Operasi Covid</p> <p><b>Tarikh:</b> Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)</p> <p><b>Tempat:</b> Tempat kerja sekitar Pahang</p>		<p><b>Program:</b> Operasi Akta 446</p> <p><b>Tarikh:</b> Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dan Pelan Pemuliharan Negara</p> <p><b>Tempat:</b> Tempat kerja sekitar Pahang</p>	
<p><b>Program:</b> Seminar KKP Negara</p> <p><b>Tarikh:</b> 3 Mac 2021</p> <p><b>Tempat:</b> Secara atas talian (Zoom)</p>		<p><b>Program:</b> Taklimat Operasi Bersepadu Tapak Bina</p> <p><b>Tarikh:</b> 9 Mac 2021</p> <p><b>Tempat:</b> Pejabat CIDB Negeri Pahang</p>	
<p><b>Program:</b> Running Test Genting</p> <p><b>Tarikh:</b> 9 Mac 2021</p> <p><b>Tempat:</b> Genting Highlands</p>		<p><b>Program:</b> Operasi Penguatkuasaan Tapak Bina</p> <p><b>Tarikh:</b> 10 Mac 2021</p> <p><b>Tempat:</b> Tempat kerja sekitar Jalan Kuantan - Pekan</p>	



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

 <p><b>Program:</b> Hari Bertemu Pelanggan</p> <p><b>Tarikh:</b> 21 September 2021</p>	 <p><b>Tempat:</b> Secara atas talian (Google meet)</p>	 <p><b>Program:</b> Penerangan dan Dialog Bersama Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Negeri Pahang 2021</p> <p><b>Tarikh:</b> 23 September 2021</p>	<p><b>Tempat:</b> Secara atas talian (Google meet)</p>
 <p><b>Program:</b> OSH WEEK 2021.</p> <p><b>Tarikh:</b> 14 Oktober 2021</p> <p><b>Tempat:</b> Secara atas talian.</p>	 <p><b>Program:</b> Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuh 2021 (AIGA 2021)</p> <p><b>Tarikh:</b> 26 Oktober 2021</p>	 <p><b>Tempat:</b> Dewan Utama, Kompleks Yayasan Pahang, Kuantan, Pahang.</p>	
 <p><b>Program:</b> Audit Sektor Awam - Jabatan Alam Sekitar Pahang.</p> <p><b>Tarikh:</b> 27 Oktober 2021</p>	 <p><b>Tempat:</b> Jabatan Alam Sekitar, JAS Pahang, Kuantan, Pahang.</p> <p><b>Tarikh:</b> 28 Oktober 2021</p> <p><b>Tempat:</b> Pejabat JKPP Pahang, Wisma Perkeso.</p>		



**Program:** Audit  
**Sektor Awam -**  
*Balai Bomba dan Penyelamat Indera Mahkota* Tarikh: 29 Oktober 2021

**Tempat:** Balai Bomba dan Penyelamat Indera Mahkota, Kuantan, Pahang.




**Program:** Bengkel Kerja Selamat dan Sihat di Sektor Informal-Perikanan Zon Pantai Timur

Tarikh: 12 November 2021

**Tempat:** Dewan Orang Ramai, Kampung Kempong Kepala, Kuantan, Pahang.

**BENGKEL BEKERJA DENGAN SELAMAT DAN SIHAT DI SEKTOR INFORMAL PERIKANAN DI ZON PANTAI TIMUR**



**Program:** Lawatan Timbulan Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Hajj Awang bin Hashim ke JKKP Pahang.

Tarikh: 12 November 2021

**Tempat:** Pejabat JKKP Wisma Perkeso.

**Program:** Majlis Penyampaian Hadiah dan sijil CEP, Program SyHear.

Tarikh: 6 Disember 2021

**Tempat:** Pejabat JKKP Wisma Perkeso.



**Program:** Lawatan Kerja ke Tapak Projek Pembinaan Laluan Keretapi Seksyen 6 Maran.

Tarikh: 7 Disember 2021

**Tempat:** Tapak Projek di Maran dan Temerloh



**Program:** Sambutan 1,000,000 Safe Manhours without LTI.

Tarikh: 8 Disember 2021


**Tempat:** Pejabat JKKP Pahang, Wisma Perkeso.



**Operasi Glove: Operasi Khas Pematuhan Kilang Pembuatan Glove Terhadap Pematuhan Perundungan KKP Dan Sop Pencegahan Covid-19**

Tarikh: 23 Januari 2021

Operasi Khas Pematuhan Kilang Pembuatan Glove Terhadap Pematuhan Perundungan KKP dan SOP Pencegahan COVID-19 telah diketuai sendiri oleh YBrs. En Mohd Zahari Bin Hitam, Pengarah JKKP Terengganu. Pemeriksaan dijalankan bagi memantau pematuhan majikan terhadap perundungan berkaitan KKP di tempat kerja dan pencegahan penularan virus COVID-19 di tempat kerja.



**Operasi Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) Negeri Terengganu**

Sekitar Operasi Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) Negeri Terengganu Tahun 2021.



## Lawatan Korporat Dari Petronas Dagangan Berhad (PDB) Ke Pejabat JKJP Negeri Terengganu

Tarikh: 24 March 2021

Objektif lawatan tersebut adalah bertujuan:

- 1) Membentangkan latar belakang PETRONAS Dagangan Berhad.
- 2) Membincangkan perancangan PSMA audit di stesen-stesen minyak PETRONAS di seluruh Negeri Terengganu.



## Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan JKJP Terengganu Tahun 2021



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

### Karnival Penjana Kerjaya Negeri Terengganu 2021

Tarikh: 4 April 2021

Yang Berbahagia Ir. Zailee Bin Dollah, Ketua Pengarah JKPP Malaysia yang turut hadir dalam memeriahkan lagi Majlis Perasmian Karnival Penjana Kerjaya Terengganu 2021 dengan diiringi Pengarah JKPP Terengganu Mohd Zahari Bin Hitam dan Timbalan Pengarah (Khidmat Teknik) JKPP Terengganu Tuan Haji Ahamad Yani Bin Mohamad.

Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YB Haji Mohd Nurkhuzaini Bin Ab Rahman, EXCO Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu mewakili Menteri Besar Terengganu.

Turut hadir bagi ucapan aluan oleh YB Datuk Haji Awang Bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia mewakili Menteri Sumber Manusia.



### Majlis Kunjungan Hormat Dan Perkongsian Ilmu Oleh Petronas Chemical Ethylene Dan Polyethylene Sdn. Bhd. Bersama Pengarah Dan Pegawai Teknikal JKPP Terengganu.

Tarikh : 6 April 2021



## Webinar Sektor Perladangan JKKP Terengganu Tahun 2021

Tarikh: 18 Julai 2021

Satu sesi webinar telah diadakan di antara pihak JKKP Terengganu dengan TDM Plantation Sdn. Bhd. semperna 'Safety Day Program 2021'. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Mohd Zahari Bin Hitam, Pengarah JKKP Terengganu. Webinar ini dihadiri seramai hampir 80 orang peserta yang terdiri daripada 13 ladang & 2 kilang kelapa sawit di bawah seliaan TDM Plantation Sdn. Bhd. termasuklah:

1. Pihak pengurusan atasan JKKP Terengganu dan TDM Plantation Sdn. Bhd.
2. Ketua-Ketua Seksyen JKKP Terengganu.
3. Pegawai JKKP Terengganu daripada Seksyen Higien Industri & Seksyen Kesihatan Pekerjaan.
4. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan bagi seluruh ladang dan kilang kelapa sawit TDM Plantation Sdn. Bhd. termasuk Pengurusan Ladang, Pengurus Kilang, Penolong Pengurus Ladang, Penolong Pengurus Kilang, Pegurus Keselamatan dan Kesihatan, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, Boilerman, pegawai bahagian pentadbiran serta kakitangan TDM Plantation Sdn. Bhd.



## Operasi Pemantauan Akta 342 Task Force Fasa II PPN JKKP Terengganu Tahun 2021



## LAPORAN TAHUNAN JKKP | 2021

### Dialog JKKP Terengganu Bersama Pengusaha Sektor Industri Kecil dan Sederhana Negeri Terengganu Tahun 2021

Tarikh: 1 September 2021

#### Objektif:

- Memberi penerangan dan informasi semasa berkenaan IKS di Terengganu.
- Memberi panduan pengisian modul penilaian tempat kerja OSHWA.
- Mengadakan dialog bersama pengusaha sektor IKS di Terengganu bagi menjawab permasalahan yang timbul.

Perasmi: Pengarah JKKP Terengganu, YBrs. En Mohd Zahari bin Hitam.



### Program Latihan OSH-C (OSH Coordinator) Bagi Sektor Pertanian Negeri Terengganu Tahun 2021-Bermula 6 Hingga 8 September 2021.

Perasmi: Pengarah JKKP Terengganu, YBrs. En Mohd Zahari bin Hitam.

#### Objektif Program:

- Memberi pendedahan kepada sektor pertanian mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)
- Meningkatkan tahap kesedaran KKP dikalangan majikan dan pekerja di Sektor Pertanian.
- Memperkenalkan OSH Coordinator (OSH-C) dan peranannya dalam membantu pengurusan KKP di tempat kerja.



## OSH MEGA CONFERENCE 2021 - Sambutan Minggu KKP Peringkat Negeri Terengganu

Tarikh : 14 Oktober 2021



## Kunjungan Hormat Ceo Baru PCOGD Serta Taklimat Perancangan Pemeriksaan Jenteperakuan Kelayakan Bagi Sesi Henti Tugas (Turnaround) PCOGD Tahun 2022

Tarikh: 25 Oktober 2021



**KUNJUNGAN HORMAT PIHAK PENGURUSAN ATASAN PERMINT PLAYWOOD SDN. BHD. KE PEJABAT JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP TERENGGANU)**

Tarikh: 26 Oktober 2021



**Taklimat Perancangan Pemeriksaan Jentera Perakuan Kelayakan bagi Sesi Henti Tugas (Turnaround) Petronas Penapisan Terengganu Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2022 Akan Datang**

Tarikh: 24 November 2021

Taklimat Pemeriksaan Jentera Perakuan Kelayakan di Petronas Penapisan Terengganu Sdn. Bhd. PP(T)SB kepada pihak JKKP Terengganu serta perangcangan Henti Tugas (Turnaround) 2022 yang dijadualkan pada pertengahan Februari sehingga awal April 2022 akan datang kepada pihak JKKP Terengganu telah dirasmikan oleh YBrs. Mohd Zahari Bin Hitam, Pengarah JKKP Terengganu.







### 1. LAWATAN PENGARAH JKKP KELANTAN KE IBUPEJABAT POLIS KONTINJEN KELANTAN



30 NOVEMBER 2021-Lawatan kunjung hormat Tuan Pengarah JKKP Kelantan Ir.Abdul Aziz Bin Salim bersama-sama pihak Pengurusan Tertinggi JKKP Kelantan ke Ibupejabat Polis Kontinjen Kelantan bagi mengeratkan hubungan kerjasama antara agensi. Melalui lawatan ini pelbagai isu telah dibincangkan terutama berkenaan kerjasama dalam aktiviti siasatan kemalangan serta isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

### 2. LAWATAN PENGARAH JKKP KELANTAN KE JABATAN PENERANGAN NEGERI KELANTAN



### 3. OPERASI BERSEPADU SOP COVID-19 BERSAMA JABATAN TENAGA KERJA, PERKESO DAN JKKP KELANTAN.

Tarikh : 19 JANUARI 2021




#### 4. PROGRAM VAKSINASI COVID-19 PEGAWAI JKKP KELANTAN



#### 5. PROGRAM INITIATING EMPLOYEE HEALTH BERSAMA OSH-COORDINATOR NEGERI KELANTAN

Tarikh : 6 Disember 2021



Pada 6 Disember 2021 Program initiating Employee Health bersama Osh-Coordinator Negeri Kelantan. Antara peserta program adalah wakil-wakil Osh coordinator seluruh negeri Kelantan yang dijalankan secara atas Aplikasi atas talian Zoom



## 1. Bengkel Ageing Plant Sempena World OSH Day 2021

Sempena World OSH Day 2021 pada 28 April 2021, JKKP Sarawak dengan kerjasama Bahagian Keselamatan Petroleum, JKKP Putrajaya telah mengadakan Bengkel Ageing Plant yang melibatkan industri yang dikategorikan sebagai pepasan bahaya besar (MHI) dan pepasan bukan bahaya besar (NMHI) di seluruh Malaysia yang terdiri daripada industri minyak dan gas, petrokimia, stesen jana kuasa serta pegawai JKKP khususnya pegawai Seksyen Risiko Khas. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JKKP Malaysia yang diwakili oleh Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum Ir. Hj. Mohd. Hatta Bin Zakaria. Untuk makluman semua, Bengkel Ageing Plant ini diadakan secara percuma melalui platform FB live Jabatan dan seramai 292 peserta daripada 117 organisasi telah menyertai bengkel ini.





## 2. Seminar Pemerkasaan KKP Sektor Awam

JKKP Sarawak telah menganjurkan satu Seminar Pemerkasaan KKP Sektor Awam pada 1 November 2021 secara hybrid. Seminar ini melibatkan 410 peserta dari 240 Jabatan/Agenzia/Badan Berkanun Kerajaan Negeri Sarawak dan Persekutuan yang hadir secara fizikal dan dalam talian. Seminar ini diadakan sejajar dengan Teras Strategi 1 di bawah OSH Master Plan 2025 (OSHMP 25)





### **3. Majlis Ikrar Bebas Rasuah, Pelancaran Penggunaan Aplikasi SPOT-ME dan Sambutan 2.9 Juta Jam Tanpa Kemalangan JKJP Sarawak**

JKKP Sarawak telah mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah, Pelancaran Penggunaan Aplikasi SPOT-ME dan Sambutan 2.9 Juta Jam Tanpa Kemalangan JKJP Sarawak pada 13 Oktober 2021 secara hybrid.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Dato' Amir bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak. Dif-dif kehormat yang turut hadir adalah Tuan Mohamad Zaki Hasan selaku Pengarah SPRM Sarawak dan Tuan Mohamad Anuardi Hajani selaku Pengarah MAMPU Sarawak.

Dalam sesi ini, semua kakitangan JKJP Sarawak termasuk cawangan telah mengambil ikrar Bebas Rasuah. Program ini adalah bertujuan untuk memberikan penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela agar sentiasa komited dan bertanggungjawab di dalam melaksanakan tugas dan menjauhi diri daripada perlakuan rasuah. Ia juga merupakan jaminan kepimpinan organisasi kepada warganya, pemegang taruh (stakeholders) dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah.

Dalam sesi yang kedua, JKJP Sarawak telah menggunakan-pakai Sistem Pemantauan Operasi Tugas Saya (SPOT-ME), satu aplikasi yang telah dibangunkan oleh MAMPU. Aplikasi ini telah membantu daripada segi merekodkan, memantau kehadiran dan menguruskan isu kehadiran bertugas kakitangan secara digital dalam memodenkan urus tadbir jabatan.

Pada sesi yang ketiga, JKJP Sarawak telah berjaya mencapai 2.9 Juta Jam Bekerja Tanpa Kemalangan. Pengiraan rekod ini telah dilaksanakan mulai tahun 2014 sehingga September 2021 melibatkan semua kakitangan JKJP Sarawak dan cawangan serta kontraktor-kontraktor yang bertugas di pejabat-pejabat JKJP Sarawak.





## JKKP SABAH

### Audit Dalaman SPQKKP dan ABMS



### Ceramah KKP Elektrik Telekom Berhad di Suruhanjaya Tenaga



### Operasi Penguatkuasaan Akta 342





### Aktiviti PKS JKKP Sabah



## OPS Cengkam





## Operasi Khas Task Force Program Kesihatan Covid-19

Tarikh: 13 Januari 2021

Operasi Khas Task Force Program Kesihatan Covid-19 (TF-PSKC19) dan Operasi Khas Ke Atas Asrama Dan Penginapan Pekerja Di Bawah Akta 446 oleh Jabatan Tenaga Kerja dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP), PERKESO, Perbadanan Labuan, Jabatan Kesihatan, PDRM & ATM di dua lokasi sekitar Labuan.



## Operasi Bersepadu Pematuhan Akta 446 Di Tapak Projek Pembinaan

Tarikh: 24 Februari 2021

Operasi bersepadu yang diketuai Jabatan Tenaga Kerja Labuan bersama-sama agensi dan jabatan kerajaan yang lain dalam pematuhan Akta 446 yang membabitkan perumahan pekerja di tapak projek pembinaan di sekitar Labuan.



**Pemeriksaan Ulangan Jentera Turnaround Di Petronas Chemicals Methanol Labuan Plant**  
Tarikh: 15 March 2021

Sekitar kerja-kerja pemeriksaan ulangan jentera semasa projek Turn Around di Petronas Chemicals Methanol Labuan Plant 1. Pemeriksaan tersebut telah dijalankan oleh pegawai dari Seksyen Pemeriksaan Statutori dan Seksyen Risiko Khas JKJP W.P Labuan dengan melibatkan pemeriksaan lebih kurang 185-unit jentera.





## Ahli Jawatankuasa Buku Laporan Tahunan JKPP Tahun 2021

Penaung

Ir. Ts. Dr. Majahar bin Abd Rahman

Pengarah Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan

Pengerusi

Siti Mariam binti Samat

Timbalan Pengarah Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan  
Penyelidikan

Ketua Editor

Hasnul Rahimy bin Kandar

Editor

Mohamad Fazli bin Masri

Mohd Farid bin Mastuki

Zulkifli bin Abdullah

Noor Hafizie bin Sulkafe

PRO Jabatan

Asrul bin Ahmad





## SENARAI PIC BLT21 - BAHAGIAN IBU PEJABAT

### Bahagian Keselamatan Industri

Noor Razlianie binti Jakariah  
noorrazlianie@mohr.gov.my

### Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan

Azhan bin Ab Majid  
azhanmajid@mohr.gov.my

### Bahagian Keselamatan Petroleum

Fakrul bin Abdulla  
fakrul@mohr.gov.my

### Bahagian Keselamatan Tapak Bina

Ts. Wan Mohd Fadzil Bin Wan Sapiansori  
wmfadzil@mohr.gov.my

### Bahagian Industri Kecil Sederhana & Sektor Bukan Kilang

Syahrul Nizam bin Shaharuddin  
syahrulnizam\_s@mohr.gov.my

### Bahagian Higien Industri & Ergonomik

Mohamad Firdaus bin Mohamad Nazri  
mfirdaus@mohr.gov.my

### Bahagian Pengurusan Kimia

Ir. Mokhtar bin Sabtu  
mokhtar\_s@mohr.gov.my

### Bahagian Kesihatan Pekerjaan

Dr. Muhd Zafran bin Shamsudin  
muhdzafran@mohr.gov.my

### Bahagian Kejuruteraan Forensik

Mohd Nazri bin Mat Jarid  
nazrijarid@mohr.gov.my

### Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Mat Zawawi Bin Zakaria  
matzawawi@mohr.gov.my

### Bahagian Khidmat Pengurusan

Triveinei Sundaram  
triveinei@mohr.gov.my

### Bahagian Pembangunan Modal Insan

Ts. Mohd Rafiah Ismail  
mrafiyah@mohr.gov.my





## SENARAI PIC BLT21 - PEJABAT NEGERI

### Perlis

Mohd Muzakkir b. Harun  
muzakkir@mohr.gov.my

### Kedah

Noori'zzati binti Khairussalleh  
norizzati@mohr.gov.my

### Pulau Pinang

Nor Azzura Binti Saari  
norazzura@mohr.gov.my

### Perak

Fazira Azita binti Abdul Rashid  
fazirazita@mohr.gov.my

### Selangor

Mashitoh binti Mohamud  
mashitoh@mohr.gov.my

### WP Kuala Lumpur

Ku Nurfuzana binti Ku Mohamad Fauzi  
nurfuzana@mohr.gov.my

### Negeri Sembilan

Mohd Hafiz bin Mazlan  
hafizmazlan@mohr.gov.my

### Melaka

Mohd Afizul Bin Mat Daud  
m.afizul@mohr.gov.my

### Johor

Muhammad Syafaryll Bin Abdullah Hashim  
syafaryll@mohr.gov.my

### Pahang

Mohd Zakuan bin Fauzi  
mohdzakuan@mohr.gov.my

### Terengganu

Mohd Sofian Bin Yusof  
mohdsopian@mohr.gov.my

### Kelantan

Haji Mohd Kudzi Bin Hamat  
mkudzi@mohr.gov.my

### Sabah

Elisa Eligius Samuel  
elisasamuel@mohr.gov.my

### Sarawak

Wilson Lee Wui Siang  
wilson@mohr.gov.my

### WP Labuan

Asrafi bin Ahmad  
asrafi@mohr.gov.my

### Ibupejabat (UKK)


Asrul bin Ahmad  
asrulahmad@mohr.gov.my

### Ibupejabat (UKK)

Mohd Saman bin Shafie  
msaman@mohr.gov.my

### Ibupejabat (UKK)

Azlan bin Baha  
azlan@mohr.gov.my





**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)**  
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

Aras 1, 3, 4 & 5 Blok D4, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62530 Wilayah Persekutuan, Putrajaya